


**Jilid III  
Bj. 22**



**MALAYSIA**

**Hari Khamis  
19hb Julai, 1973**

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2503]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) [Ruangan 2547]**  
**Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) [Ruangan 2593]**

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Banjir di Kuala Lumpur [Ruangan 2602]**  
**Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah Undang-undang [Ruangan 2604]**

DICETAK OLEH  
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN  
MALAYSIA BARAT, KUALA LUMPUR

1973

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Khamis, 19hb Julai, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR :**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- ” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

- Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- ” TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- ” TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- ” TUAN HAJI MUHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- ” TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

**Yang Berhormat TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**

- ” TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- ” TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- ” RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ” PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- ” TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- ” TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- ” DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- ” TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- ” TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- ” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- ” TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- ” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- ” TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- ” TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

**YANG TIDAK HADIR:**

**Yang Amat Berhormat** Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).**

**Yang Berhormat** Menteri Perpaduan Negara, **TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).**

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- ” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- ” Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- ” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).
- ” CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- ” DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- ” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

**YANG HADIR BERSAMA:**

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, (Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### WARGANEGARA—PERMOHONAN

**1. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau dapat menimbang memberikan sebab-sebab kepada orang ramai apabila permohonan mereka untuk menjadi warganegara ditolak dan juga bolehkah Jabatan yang berkaitan membantu orang ramai yang buta huruf untuk mematuhi segala peruntukan-peruntukan undang-undang.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):**

- (i) Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menimbang untuk memberitahu sebab-sebab permohonan-permohonan untuk menjadi warganegara ditolak oleh kerana permohonan-permohonan dalam gulungan "Kemasukan" (naturalisation) misalnya, tidaklah berhak memperoleh kewarganegaraan semata-mata dengan memenuhi syarat-syarat yang berkenaan, seperti cukup tempoh mastautin, lulus ujian Bahasa Melayu dan sebagainya. Ini adalah disebabkan bahawa perkataan yang digunakan dalam Perlembagaan di bawah Perkara 19 Perlembagaan ialah, antara lain, "..... Kerajaan Persekutuan boleh memberi ....." (".....the Federal Government may....."). Ini bermakna hak memberi taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 19 adalah bergantung kepada budibicara (discretion) Kerajaan dan tidaklah boleh dituntut sebagai hak oleh sipemohon.
- (ii) Berkenaan dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa memanglah menjadi tugas dan amalan Jabatan Pendaftaran Negara menolong dan memberi nasihat-nasihat yang berguna bukan sahaja kepada orang-orang yang buta huruf akan tetapi kepada tiap-tiap pemohon berkenaan cara-cara

dan undang-undang berkaitan dengan permohonan-permohonan Kewarganegaraan.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Menteri yang berkenaan tak boleh memberitahu sebab-sebab permohonan itu ditolak, bolehkah Menteri menyuruh Pendaftar Besar Warganegara memberitahu sebab-sebab untuk menolong pemohon-pemohon itu merayu kepada Menteri yang ada kuasa menimbang permohonan-permohonan yang ditolak?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi sebab-sebab permohonan itu ditolak tidak akan diberitahu. Ertinya, bila pihak Menteri tak beritahu, pihak Pendaftar Besar Warganegara pun tak akan beritahu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Kalau seorang pemohon minta warganegara, dia dilahirkan di Negeri Sarawak dan bapa dia dilahirkan di Perak, sebelum merdeka pemohon ini sudah datang ke Malaya. Apabila dia minta warganegara tidak boleh dapat, apakah sebabnya?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu bergantung pada peruntukan mana Perlembagaan dia memohon. Kalau dia berhak menjadi warganegara by operation of law, itu tidak boleh dinafikan oleh sesiapa, tetapi kalau melalui cara-cara lain (naturalisation) ataupun cara pendaftaran (registration) maka ini adalah hak Kerajaan hendak memberi atau tak hendak memberi walau dia dilahirkan di mana sekalipun, walau bila dia datang, itu hak Kerajaan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pemohon ini be considered as a citizen by operation of law? Kalau bapa dia ada Surat Beranak, nama dia dalam Surat Beranak itu semuanya betul, can he be considered seorang warganegara dalam operation of law?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh ataupun tak boleh itu mengikutlah peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan, dan saya syorkan Ahli Yang Berhormat itu bacalah Perlembagaan betul-betul.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun permohonan-permohonan itu ditolak oleh Pendaftar Besar Warganegara, tetapi dia ada hak boleh merayu kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh kerana itu, kalau pemohon itu tidak diberitahu sebab permohonannya ditolak macamanakah dia boleh merayu kepada Menteri yang berkenaan?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau permohonannya itu ditolak, dia boleh merayu dengan membentangkan hal-halnya yang baru jika ada. Sebab di dalam permohonannya yang asal itu ada kenyataan-kenyataan yang diberinya. Jadi kalau sekiranya dengan kenyataan-kenyataan yang ada itu permohonannya ditolak, maka kalau sekiranya dia ada hal keadaan yang baru, dia boleh sebutkan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Timbalan Menteri boleh bersetuju dengan saya. Kalau saya diperanakkan di Malaysia, bapa saya pun diperanakkan di Malaysia, kami kedua-duanya ada surat beranak, kalau saya meminta kewarganegaraan, saya boleh jadi seorang warganegara by operation of law. Kalau seorang bapa dia beranak di sini, anaknya beranak di Sarawak, ada surat beranak, namanya pun betul, bolehkah dia jadi warganegara? Kalau tidak, apa sebabnya dia tidak boleh dapat, minta pun tidak boleh dapat?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia boleh jadi ataupun tidak boleh jadi warganegara, maka ini bergantung kepada peruntukan Perlembagaan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini satu permohonan di bawah Form E yang beranak di sini minta kewarganegaraan, dia sudah lulus bahasa Malaysia, berapa lama dia mahu tunggu baru dapat certificatenya?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah hendak menyelesaikan permohonan ini seberapa cepat yang boleh. Tetapi soal hendak memutuskan satu-satu permohonan kerakyatan ini bukanlah soal sama mudahnya dengan memberi lesen kacang putih. Kalau hendak beri lesen jual todi pun kena periksa berhati-

hati, inikan pula hendak beri kerakyatan, dan Kerajaan haruslah untuk adil kepada permohonan-permohonan ini terpaksa menyiasat dengan sehalus-halusnya akan permohonan ini.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, kalau macam kacang putih, tidak guna ada Menteri. Tetapi setahu saya Menteri tidak jual kacang putih. Kita harap Menteri menjawab bila kita soal. Bolehkah dapat dalam masa 6 bulan atau setahun atau dua tahun—orang yang beranak di sini hendak tunggu berapa tahun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan marah; kalau marah, tidak boleh tanya soalan.

**Tuan V. David:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ada orang tunggu dua tahun, tolong beritahu bila mereka boleh dapat certificatenya: 6 bulan, 7 bulan, setahun ataupun dua tahun? Orang yang beranak di sini, polis sudah siasat, bahasa Malaysia pun sudah lulus. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya? Ini nampaknya ucapan.

**Tuan V. David:** Bukan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sahaja, berapa lama tempoh orang itu boleh dapat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sudah bertanya, duduk.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu bergantung, ada yang 6 bulan, ada yang setahun, ada yang dua tahun ataupun kadang-kadang lebih. Itu bergantung kepada penyiasatan yang terpaksa dijalankan. Kalau senang mendapat keterangan-keterangan maka cepatlah. Ada kalanya keterangan-keterangan itu susah sangat didapati terutama sekali keterangan-keterangan yang bertabur-taburan, maknanya tidak boleh didapati di dalam negeri, jadi pihak Kerajaan terpaksa menyiasat di sana sini, sebab itulah berlaku kelewatan.

Satu lagi perkara ialah permohonan kerakyatan ini sebagaimana yang kita telah ketahui ada berjuta-juta yakni hingga 31-5-1973, yang telah diluluskan adalah berjumlah 2,856,101.

Selain daripada perkara ini perkara besar dan rumit, maka pertambahan yang hendak diselesaikan adalah sangat banyak. Sebab itulah memakan masa.

## UNDANG-UNDANG IMIGERESEN

**2. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada Kerajaan telah mengecualikan undang-undang imigresen terhadap orang-orang pelarian dari Filipina yang memasuki Sabah. Jika tidak, mengapa banyak bilangan orang-orang pelarian yang telah masuk ke Sabah.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu adalah dimaklumkan bahawa orang-orang Filipina yang memasuki Sabah tidak dikecualikan daripada mematuhi Undang-undang Imigresen.

Bagi menjawab Bahagian kedua kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menarik perhatian beliau pada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Persidangan Dewan ini pada 25-4-73 yang berbunyi antara lain; saya petik:

“Oleh sebab ada pergaduhan di Selatan Filipina, setengah-tengah penduduk-penduduk di pulau-pulau tersebut telah melarikan diri ke Sabah untuk mendapatkan perlindungan bersama-sama dengan saudara-mara mereka itu di situ. Perkara ini sebenarnya tidak dapat dielak kerana pulau-pulau di Selatan Filipina itu sangatlah berdekatan dengan Sabah dan dari zaman-berzaman penduduk-penduduk di kedua-dua daerah itu sentiasa berulang-alik antara satu dengan lain. Perkara ini bukan senang hendak dikawal kerana mereka boleh datang dengan bot-bot kecil yang laju dan mereka pergi mendapatkan saudara-saudara mereka yang berada di Sabah.

Saya fikir, kalau Ahli Yang Berhormat hendak bercakap dalam perkara seperti ini eloklah melawat Sabah dan mengambil tahu sendiri bagaimana keadaan di situ. Kerajaan telah memberi arahan supaya orang-orang pelarian itu dikawal dan tidak dibenarkan masuk, tetapi perintah ini sukar dilaksanakan kerana keadaan dan kedudukan pulau-pulau itu sangat berdekatan dengan Sabah”.

Demikianlah saya quote daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

## NESTLES PRODUCTS (M) BHD

**3. Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah salah seorang pengurus dari pejabat-pejabat wilayah Syarikat Nestles Products (M) Bhd. bukan warganegara Malaysia. Samada Menteri berkenaan sedar, jawatan tersebut telah dipenuhi oleh seorang bukan warganegara dan tidak tahu bertutur bahasa-bahasa tempatan dan pertuturan bahasa Inggerisnya pun terlalu terhad.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada satu jawatan Regional Sales Manager, Syarikat Nestles Products (M) Bhd. yang sekarang dipegang oleh pegawai dagang.

Jawatan ini telah dirancarkan oleh syarikat tersebut untuk diwarganegarkan pada akhir tahun 1972. Tetapi malangnya 2 orang warganegara Malaysia yang salah seorang daripadanya dicadangkan untuk mengambil alih jawatan ini telah meletakkan jawatan mereka dalam bulan Mei, 1972. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai untuk Perwarganegaraan Dalam Perdagangan dan Perusahaan telah membenarkan jawatan itu terus dipegang oleh pegawai dagang sehingga akhir tahun 1973 dan dalam tempoh itu Syarikat itu dikehendaki melatih seorang warganegara untuk mengambil alih jawatan tersebut.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu atau menjelaskan kepada Dewan ini berapa banyak orang-orang yang bukan warganegara (expatriates) yang pada masa sekarang memegang jawatan-jawatan penting sebagai Pengurus dan Pengurus Besar dan majikan-majikan Syarikat swasta di Semenanjung Malaysia dan bilakah jawatan-jawatan itu boleh digantikan oleh warganegara-warganegara Malaysia mengikut dasar Kerajaan kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Yeoh Teck Chye:** Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar banyak syarikat-syarikat telah menaikkan title executive in order to remain in the country?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dan Kerajaan mengambil perhatian dalam perkara ini.

#### PERJANJIAN MATAWANG

**4. Tuan Edmund Langgu anak Saga** (*di bawah S.O. (24 (2))*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada Malaysia telah mengadakan rundingan awal dengan Kerajaan Singapura dan Kerajaan Brunei sebelum memansuhkan Perjanjian Matawang di antara ketiga-tiga negara baru-baru ini.

**Menteri Kewangan (Tuan Tan Siew Sin):** Tuan Yang di-Pertua, tidak, tetapi patut diingatkan yang Malaysia tidak menamatkan peraturan saling pertukaran Matawang dengan Brunei. Seterusnya, patut juga diingatkan yang peraturan itu samada dengan Singapura atau Brunei tidak membuat peruntukan supaya notis yang terlebih awal patut diberi sebelum ditambahkan peraturan itu.

#### PENGIMPOT TAYAR/TIUB

**5. Tuan V. Veerappen** (*di bawah S.O. 24 (2))*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau telah menerima perwakilan daripada pengimpot-pengimpot tayar dan tiub buatan luar negeri mengenai cukai impot sebanyak \$1.80 sepaun itu terlalu tinggi dan patut diturunkan, Jika ya, samada beliau akan menimbang menurunkan cukai impot untuk mengurangkan harga tayar dan tiub dalam negeri ini.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, apabila soalan ini diterima daripada Ahli Yang Berhormat kami belum lagi menerima apa-apa perwakilan berkenaan perkara ini. Tetapi selepas itu, sepucuk surat bertarikh 20hb Jun, 1973 telah diterima daripada "The All Penang Importers of Foreign Tyres and Tubes". Harus surat yang berkenaan dihantar dengan sebab soalan ini telah dikemukakan. Rayuan yang dikemukakan di dalam surat itu telah ditimbang oleh Jawatan kuasa Bertindak Khas Berkenaan Tarif pada 16hb Julai yang lalu. Selepas menimbang pendapat-pendapat Jawatankuasa ini. Kerajaan telah membuat keputusan menolak

rayuan yang berkenaan atas sebab-sebab berikut:

- (i) Adalah difikirkan bahawa duti sebanyak \$1.80 sepaun tidaklah terlalu tinggi. Lagipun perusahaan membuat tayar banyak menggunakan getah asli dan oleh itu patutlah diberikan sedikit bantuan, dan hendaklah kita ingat bahawa kebanyakan daripada tayar dan tiub kereta-kereta penumpang buatan asing menggunakan banyak getah tiruan (synthetic rubber). Lagi pula sebuah lagi kilang tayar akan memulakan pengeluaran tidak berapa lama lagi.
- (ii) Perlindungan ini telah diberikan kepada perusahaan membuat tayar semenjak tahun 1965. Sungguhpun demikian tayar dan tiub keluaran asing masih terus diimpot. Tidakkah pelek cuma sekarang sahaja pengimpot-pengimpot mendapati duti impot terlalu tinggi.
- (iii) Rakyat Malaysia patutlah digalakkan supaya mengguna tayar dan tiub buatan tempatan. Sekiranya mereka hendak menggunakan tayar dan tiub buatan asing, maka, mereka patutlah bersedia membayar "lebih sedikit".

Kita mestilah sentiasa ingat bahawa tanggungjawab kita yang pertama adalah kepada pengeluar-pengeluar kita dan bukan kepada orang-orang asing. Saya dengan tegasnya minta supaya kesedaran ini sentiasa ada di dalam fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan sana, yang kebanyakannya kadang-kadang lupa mereka itu rakyat Malaysia; oleh itu mereka cenderung mengutamakan kepentingan negeri-negeri asing lebih daripada kepentingan negara Malaysia.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyatakan bahawa saya menyokong pengilang pengilang dan benda-benda yang dikeluarkan oleh tanahair kita, tetapi kalau sekiranya benda-benda yang dikeluarkan oleh kilang kilang kita harganya terlampau tinggi timbul lah kenaikan sara hidup kepada rakyat di tanahair kita. Apa yang hendak saya bertanya kepada Menteri Kewangan ialah adakah beliau sedar sekiranya cukai impot sebanyak \$1.80 sepaun diturunkan, maka harga tayar-tayar dan tiub-tiub di tanahair

kita boleh diturunkan dan oleh hal yang demikian, bolehkah sara hidup di tanahair kita diturunkan?

**Tun Tan Siew Sin:** (*Dengan izin*) I think we should try to get things straight here. The objective of the Government was obviously to encourage our people not to buy even a single imported tyre or tube. That must be the ultimate objective. Now, insofar as domestically-produced products are too expensive, the Honourable Member may not probably be aware that no prices can be increase without the express permission of the Ministry of Trade and Industry. So that is a different issue altogether.

**Tuan V. Veerappen:** (*Dengan izin*) Would the Finance Minister tell this House whether there is a monopoly in the manufacture of tyres; if not, would he give the number of factories that are producing tyres and the brands, if possible?

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, there is no monopoly. There are three plants producing motor car and motor cycle tyres, while a fourth factory—in fact, a very large one—is expected to commence production in the near future. In regard to tubes—that is, motor cycle tubes—there are six factories producing this item.

**Tuan Ng Hoe Hun:** (*Dengan izin*) Tuan Speaker, we see from here that the Government has imposed an import duty of \$1.80 per lb. on the import of tyres into our country. The reason for putting this import duty is to protect the tyre factories that are in existence now in our country. Now, Sir, does the Minister of Finance realise that the tyre factories are deceiving the public in whatever tyres they manufacture? It is this way, Sir; they say that this tyre is twelve-ply, but when you cut the tyre out, it is only eleven-ply. So will the Minister make an investigation on this report?

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, I suggest that if the Honourable Member has got any firm evidence, he should get in touch with the Ministry of Trade and Industry.

**Tuan Ng Hoe Hun:** The evidence can be found with the tyre retreaders. They are the ones that gave me the information. They are

all over in Kuala Lumpur. You can check for yourself. It is up to the Minister now to get the proper Ministry to check on this thing. I am in no position to do it. I am just giving the Minister the report here. Will he do it, Sir?

**Tuan Yang di-Pertua:** I suppose he will consider it (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, this question of import duty of \$1.80 per pound for tyres and the import duties on other commodities in this country, in my opinion, ought to be reviewed entirely by the Government. For instance, Sir, as a result of Government's declaration to protect the glass factory, which has just recently been set up, the price of glass has gone up by one hundred per cent during the last week. Sir, is the Minister aware of that fact—and this factory has not started producing glass in Malaysia—and if so, whether he would consider reviewing this whole question of tariff protection for our industries?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu yang manakah lebih banyak untung dan ekonomik, atau kita ambil cukai impot sebanyak \$1.80 sepaun daripada pengimpot-impot tayar dan tiub dari luar negeri atau lebih untung dan ekonomik, kalau kita buat lebih banyak kilang-kilang membuat tayar dan tiub di negara kita ini supaya kita dapat mengeluarkan lebih banyak tayar dan tiub di negeri kita ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beritahu yang mana baik? Oleh sebab, saya tahu kita sudah ada kilang-kilang yang membuat tayar dan tiub di Malaysia ini.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, I am not sure what the Honourable Member is driving at, but I would like to emphasise that our primary duty is to our own manufacturers and not to importers.

**Tuan Yeoh Teck Chye:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, just now the Honourable Minister of Finance did mention, I think, that as citizens of this country it is our obligation and our duty to purchase from companies manufacturing tyres in this country. I certainly agree with that. But I

think it is also common knowledge that unfortunately the tyres that are manufactured in this country have not measured up to the standard of imported tyres. That is why the public is prepared to pay more for imported tyres. Can the Honourable Minister assure us that, with regard to the new factory or whatever factories that are going to be set up in this country, the Government will see to it that the factories that turn out such tyres will manufacture tyres that are up to quality, so that we do not have to import tyres and pay more?

**Tun Tan Siew Sin:** Sir, I have no doubt at all that the Ministry of Trade and Industry has done and will continue to do what is required under the circumstances.

#### HASIL PERSEKUTUAN DARI SARAWAK

6. **Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hasil pendapatan persekutuan dari Sarawak dalam tahun 1972 dan berapakah jumlah wang persekutuan yang dibelanjakan di Sarawak bagi tahun itu.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil pendapatan persekutuan dari Sarawak dalam tahun 1972 ialah \$60,676,440 dan anggaran jumlah wang persekutuan yang dibelanjakan di Sarawak bagi tahun itu ialah \$251,352,850 seperti berikut:

- (a) Belanja Mengurus—\$161,897,826. Jumlah ini tidak mengambil kira perbelanjaan bagi Pertahanan dan Talikom.
- (b) Perbelanjaan                      Pembangunan—\$89,455,024.

#### BELIA LUAR NEGERI—RANCANGAN TUKAR-MENUKAR

7. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid yang telah mendapat faedah daripada Rancangan Tukar-menukar Belia Luar Negeri;
- (b) samada terdapat sekim-sekim untuk melatih belia-belie dalam bidang-bidang pertanian pertukangan dan vokesyenal atau latihan teknikal, jika ya, apakah sekim-sekim itu dan sejauh

mana sekim ini telah mencapai matlamatnya di bawah Dasar Ekonomi Baru; dan

- (c) tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya terhadap 25 orang belia dari Daerah Kuala Kangsar dan Ulu Perak yang enggan menyertai latihan belia di Dusun Tua baru-baru ini dan sebab-sebab keengganan mereka.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid-murid ataupun pelajar-pelajar yang telah mendapat faedah daripada Rancangan Tukar-menukar Belia Luar Negeri ialah 66 orang. Ini jumlah bilangan yang mendapat bantuan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan tetapi dalam pada itu ada juga badan-badan yang tertentu berasangan yang tidak ada berkait dengan Kerajaan atau Kementerian yang mengatitkan Rancangan Tukar-menukar penuntut-penuntut ataupun pelajar-pelajar.

Soalan yang kedua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sememangnya menyediakan sekim-sekim untuk melatih belia-belie dalam bidang-bidang pertanian, pertukangan dan vokesyenal atau latihan teknikal.

Sekim Latihan dalam bidang pertanian ada dijalankan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua iaitu dalam kursus-kursus seperti latihan pertanian asas, berternak ayam, memandu tractor, pertanian dan sebagainya. Manakala latihan secara informalnya terdapat dalam bentuk projek Belia Peladang yang bertujuan untuk menarik penyertaan belia-belie luar bandar di dalam kegiatan-kegiatan pertanian sebagai satu usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Perlu saya sebutkan iaitu ajensi-ajensi lain juga mengendalikan berbagai rancangan latihan di dalam bidang-bidang pertanian, pertukangan tangan, vokesyenal dan latihan teknik. Belia-belie telahpun diberi latihan dan juga di bidang pertanian dan perikanan di bawah institusi pertanian di Serdang di mana jumlah 490 orang belia-belie yang diambil bagi tiap-tiap satu kursus untuk mengikuti latihan di bidang pertanian juga di Pusat Latihan Pertanian jangka pendek yang diadakan di 16 Pusat Latihan di dalam mana kursus pendek ini diselenggarakan, diadakan selama 3 bulan untuk belia-belie dan

peladang-peladang muda di dalam bidang pertanian asas, juga diberi kemudahan latihan kepada belia-belia dibidang latihan perikanan laut di mana dalam mana Institut Latihan Nelayan Batu Maung, Pulau Pinang telah mengambil 78 orang dalam tahun 1973 mengikuti kursus 11 bulan di dalam bidang Latihan Marine Engineering dan Skipper. Pusat Latihan Perikanan Laut, Glugor, Pulau Pinang; Pusat Perikanan Laut, Kuala Trengganu, juga mengadakan kursus 5 bulan terbuka kepada 30 orang pelatih-pelatih dengan tujuan untuk diberikan pengetahuan teknikal di dalam bidang penangkapan ikan dan penjagaan engine. Latihan perikanan darat juga diberi kemudahan di dalam bidang latihan kepada belia-belia di Pusat Latihan Perikanan Darat di Bukit Tinggi, Pahang mengikuti kursus selama 3 minggu dibuka kepada 20 orang belia semenjak dimulakan Pusat Latihan ini.

MARA juga memberi kemudahan kepada belia-belia mengikuti kursus di 4 Pusat Latihan Kemahiran MARA iaitu di Alor Star, 2 di Petaling Jaya dan satu di Melaka dalam mana belia-belia berumur 17 tahun diberi latihan di dalam berbagai latihan teknikal dan 4 lagi Pusat Latihan yang serupa sedang dibina di Kampung Pandan, Sungai Petani, Johor Bahru dan di Kuantan. Kemudahan latihan juga diberi di 3 Pusat Latihan Vokesyenal di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang yang diselenggarakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat begitu juga Kementerian Pelajaran ada mengadakan 16 buah sekolah-sekolah vokesyenal yang dalam mana diberi kemudahan latihan vokesyenal kepada belia-belia seluruh negara ditempatkan di Kangar, Alor Star, Pulau Pinang, Butterworth, Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Muar, Johor Bahru, Pengkalan Chepa, Kuantan, Chenor, Rembau, Sungai Petani, Temerloh dan 7 lagi sedang dibina di Kuala Trengganu, Taiping, Kluang, Klang, Temerloh, Kuala Lumpur dan Telok Anson.

Berkenaan dengan soalan (c), sebab-sebab yang sebenar menyebabkan belia-belia seramai 25 orang dari Perak telah keluar dari Pusat Latihan di Dusun Tua ialah kerana mereka tidak mahu meneruskan latihan dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan disiplin yang dikenakan. Belia-belia ini telah dihantar atas anjuran Kerajaan Negeri Perak untuk bekerja di rancangan-rancangan Kemajuan di Temengghoh dan di Dinding, Perak.

Mereka ini bukanlah keluar secara beramai-ramai, tetapi seorang demi seorang sejak pengambilan dibuat 2 bulan yang lalu dan tindakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terhadap belia-belia ini, ialah pihak Kementerian tidak akan memberi apa-apa layanan lagi kepada belia-belia yang berkenaan dari segi latihan dan sebagainya. Sekian.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam soalan 7 (b) tadi, adakah Kementerian ini dapat memberikan jaminan kepada Menteri-menteri yang bersangkutan berhubung dengan belia-belia kita yang telah tamat latihan berhubung dengan pertanian itu supaya diambil dalam rancangan tanah belia di negeri kita ini?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada perhubungan di antara Kementerian saya dengan Kementerian lain, khususnya Kementerian yang terlibat dalam rancangan tanah bahawa kami akan melatih belia-belia yang akan diambil oleh Kementerian yang terlibat untuk membolehkan mereka mengambil bahagian sebagai peserta di dalam rancangan tanah yang diuruskan oleh Kementerian berkenaan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Tadi Menteri ada mengatakan berkenaan soalan 7 (b), di Taiping ada satu sekim untuk melatih belia-belia, tetapi saya tidak tahu mana tempatnya, bolehkah Menteri beritahu di mana Pusat Latihan Belia-belia di Taiping itu yang sebenarnya?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya sudah sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Ahli Yang Berhormat itu seorang sahaja yang tahu berkenaan Taiping, orang lain pun tahu juga.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, bolehkah beliau menerangkan jenis-jenis latihan vocational atau teknikal yang diadakan di Dusun Tua?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai latihan teknik dan vocational telah diadakan iaitu latihan di bidang perbekalan letrik (electrical

training), memperbaiki radio/T.V., tukang-menukang, latihan mengajar belia-belua supaya tahu mengadakan berbagai pekerjaan berkaitan dengan pembinaan rumah dan sebagainya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Saya seorang Wakil Rakyat dari Larut Selatan dan Taiping adalah ibukota dalam daerah Larut Selatan. Berkenaan dengan soalan 7 (b) tadi saya hendak melawat Pusat Latihan untuk melatih belia-belua itu, bolehkah Menteri beritahu di mana tempat latihan itu?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh berhubung dengan Kementerian yang berkenaan, kami sedia memberitahu tempat-tempat di mana latihan ini akan dijalankan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Semua orang tahu dan saya pun tahu tidak ada (*Ketawa*). Bagaimana hendak pergi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh berhubung dengan Kementerian berkenaan.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa skilled atau pengalaman yang dikehendaki oleh pihak swasta ialah "welding" adakah pelajaran itu dilatih kepada belia-belua di Dusun Tua?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, ada.

## PELACURAN—MENGHAPUSKAN

**8. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa pelacuran di negara ini sedang bertambah sekarang;
- (ii) samada benar bahawa Pasukan Pencegah Maksiat telah gagal dalam usahanya untuk menghapuskan pelacuran dalam negara ini;
- (iii) samada Kerajaan benar-benar hendak membasmi ancaman sosial ini; dan
- (iv) apa rancangan, selain daripada serbuan-serbuan yang telah dibuat oleh Pasukan Mencegah Maksiat, Kementerian beliau

sediakan untuk menghapuskan sama sekali pelacuran dalam negara ini.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa pelacuran ujud di negeri ini akan tetapi tidaklah dapat saya hendak memastikan samada pelacuran semakin bertambah kerana tidak ada penyelidikan dijalankan mengenaiya. Sudah barang tentu tujuan muktamat Kerajaan ialah untuk menghapuskan pelacuran, akan tetapi saya perlu menegaskan bahawa tujuan ini sukar hendak dicapai. Pelacuran telah berterusan ada sejak berabad-abad yang lampau di beberapa negeri. Walaupun percubaan telah dibuat untuk membasminya menerusi undang-undang dan langkah-langkah penindasan atau lain-lainnya, pelacuran masih terus ujud. Ini tidak pula bermakna bahawa Kerajaan tidak memandang berat masalah ini. Malahan segala daya-usaha sedang dijalankan untuk membersihkan negeri ini daripada maksiat ini. Kerja yang dijalankan oleh Bahagian Pencegah Maksiat Polis dan lain-lain agensi Kerajaan ke arah ini adalah sangat dipuji.

Kementerian saya adalah bertanggungjawab atas pemulihan pelacur-pelacur yang diserahkan kepada jagaannya. Ke arah ini, suatu undang-undang baru, di antara lain, yang dikemukakan oleh Kementerian saya, telah diluluskan oleh Parlimen pada awal tahun ini. Undang-undang ini memperbekalkan hukuman-hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang menguasai hasil pelacuran untuk keuntungannya sendiri, dan juga langkah-langkah bagi pemulihan mangsa-mangsa pelacuran yang lebih berkesan. Seterusnya di samping dua buah Pusat yang ada sekarang, dua buah lagi untuk pemulihan mangsa-mangsa pelacuran dan gadis-gadis yang terdedah kepada bahaya moral akan dibina, sebuah di Batu Gajah pada tahun 1974 dan sebuah lagi di Rembau pada tahun 1975.

Walau bagaimanapun, saya ingin hendak menegaskan bahawa pencegahan dan pembasmian ke atas pelacuran, dan pemulihan mangsa-mangsanya tidak boleh dikendalikan sebagai perkara-perkara yang berasingan atau tersendiri tetapi sebagai aspek-aspek masaalah yang sama. Ini memerlukan kempen-kempen kemasyarakatan dan pendidikan yang berkesan terhadap pelacuran dan

perkara-perkara yang berkait dengannya, rancangan-rancangan kemasyarakatan, kesihatan dan pendidikan yang berkesan, penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan pelacuran, perbaikan keadaan ekonomi negara, dan tidak kurang pula peninggian nilai-nilai serta sikap moral tiap-tiap anggota masyarakat.

**Tuan Loh Jee Mee:** Soalan tambahan. Dapatkah Menteri berkenaan menyatakan bahawa tidak lama dahulu pihak polis telah membuat serbuan ke atas sebuah rumah pangsa di Kuala Lumpur di mana terdapat gadis-gadis dan suri rumahtangga yang terlibat dalam pelacuran sambilan atau part-time prostitution. Jika ya, apakah rancangan Kementerian beliau untuk menghapuskan samasekali pelacuran sambilan atau part-time prostitution seperti itu?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, sudah saya terangkan tadi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Adakah Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am bersetuju dengan statement saya bahawa jumlah pelacuran di Malaysia tidak kurang, tetapi naik. (*Ketawa*) Adakah beliau bersetuju atau tidak?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Mana Ahli Yang Berhormat itu tahu, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Dalam penyiasatan Kementerian berkenaan berapa banyak sarang pelacuran yang ada di Kuala Lumpur, jika ada, berapa banyak dan di mana tempatanya? (*Ketawa*).

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyatakan bahawa Kementerian saya belum ada menyiasat, dan kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu tolong dalam perkara ini baguslah (*Ketawa*). Serbuan itu dijalankan oleh pihak Polis. Tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat itu berminat sangat dalam soal ini (*Ketawa*) kalau dia boleh tolong memberikan kerjasama, baguslah.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Jawapan itu banyak cheating (*Ketawa*). Soalan tambahan lagi. Subject ini sangat baik (*Ketawa*). Barangkali Menteri Kebajikan Am tidak tahu masalah

pelacuran pada masa dahulu, saya hendak beri keterangan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak tahu soalan, bukan keterangan!

**Tuan Ng Hoe Hun:** All right, Sir. Di masa dahulu Kerajaan Federated Malay States—masa itu Tuan Yang di-Pertua tahulah—masa itu masa Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*)—minta maaf Federated Malay States dahulu ada satu rancangan mengontrol dan melesen pelacur yang hendak buat perniagaan. Inipun sudah menjadi history. Tetapi sekarang dalam zaman Malaysia moden ada juga pelacuran lagi. Sila Menteri Kebajikan Am beritahu Dewan ini bolehkah Kerajaan kita mengikut rancangan yang dahulu dan mengontrol dan melesen pelacur. Jika tidak, dan takut, bolehkah Menteri beri kuasa kepada pihak lain untuk carry out rancangan ini? (*Ketawa*).

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Kita tidak boleh memberi lesen, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tidak bersetuju membiakkan maksiat.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi tidak menafikan bahawa pelacuran ujud di negara kita ini. Ahli Yang Berhormat ini baharu memegang jawatan ini, oleh sebab itu dapatkah Kementerian ini membuat satu kajian sebanyak manakah, seramai manakah ujudnya pelacur yang ada dalam negeri ini?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tadi saya telah terangkan, cukup susah hendak membuat kajian kerana pelacuran ini ada yang secara terang dan secara yang tidak terang pun ada, seperti yang disebutkan oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat tadi.

**Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk mencegah dadah dalam negara ini kita membuat bermacam-macam langkah seperti mengadakan Biro Narkotik dan sebagainya, bolehkah pihak Kementerian yang berkenaan memberi jaminan bahawa beliau juga bercadang untuk membuat Biro Pelacuran. (*Ketawa*).

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Saya tidak bercadang mengadakan Biro Pelacuran, tetapi Kementerian saya akan cuba mencari jalan bagaimana supaya mengatasi, sekurang-kurangnya mengurangkan masalah ini daripada biak.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada nampakkah dengan memakai cermin gelap ini? (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, fasal tak nampak itu barangkali kerana saya hitam agaknya. (*Ketawa*). Mengikut keterangan daripada Menteri Kebajikan Am tadi bahawa Kerajaan berusaha, tetapi katanya tidak akan dapat membasmikan pelacuran itu dengan tegas. Saya suka bertanya, adakah dapat Menteri Kebajikan Am itu menunjukkan satu matlamat yang tepat dalam tempoh berapa lama pelacuran ini akan dapat dikikiskan daripada negara kita, kerana adakah usaha itu akan berjaya atau tidak, memandangkan:

Dari zahir dunia berkembang,

Ada bunga, ada kumbang; (*Ketawa*)

Dari syurga Adam terbang,

Kerana cinta kepada mambang. (*Ketawa*)

Jadi, adakah dapat dikikiskan?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab, tak payah dijawab lagi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar Kerajaan Pusat telah menyatakan oleh sebab Kerajaan tidak boleh menghapuskan perjudian di tanahair kita, Kerajaan Pusat telah melesenkan perjudian di tanahair kita. Oleh sebab Menteri yang berkenaan telah mengatakan Kementerianannya atau pihak Polis tidak boleh menghapuskan pelacuran di tanahair kita, bolehkah Menteri yang berkenaan menimbangkan melesen pelacuran di tanahair kita?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sedar atau tidak, sebab sejak mencegah

maksiat selalu ada dibuat serbuan, banyak pelacur sudah ditangkap dan oleh sebab itu sekarang ada terdapat banyak kejadian rogol. Jikalau sedar, adamma hendak diselesaikan masalah itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Loh Jee Mee:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini adakah gadis-gadis yang keluar dari Pusat-pusat Pemulihan itu kembali ke bidang pelacuran lagi?

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sekarang sudah mengadakan satu Research Division atau Bahagian Penyiasatan. Apabila sudah siap laporan itu kelak dapat saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan ini sedia membuat satu langkah kebajikan iaitu dengan memberikan perubatan percuma kepada pelacur-pelacur yang ada dalam negeri ini, terutama sekali kiranya pelacur itu ada kena "penyakit perempuan". Kita takut penyakit ini berjangkit kepada orang ramai, jadi kita harap apakah langkah kebajikan Kementerian ini supaya diberi perubatan kepada pelacur itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah dijawab. Itu soalan lain. (*Ketawa*) Perkara yang di hadapan belum selesai lagi hendak kira yang depan pula. (*Ketawa*)

## JALAN RAYA PANTAI TIMUR/BARAT

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (i) apakah anggaran asal bagi (a) Jalan Raya diantara Pantai Timur dan Pantai Barat (b) sambungan kepada pembaikan landasan terbang Bayan Lepas di Pulau Pinang (c) pembinaan perhentian feri tambahan di Butterworth dan Pulau Pinang (island);
- (ii) Jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini ke atas projek-projek ini dan kemajuannya;

- (iii) samada kerana kenaikan perbelanjaan pembinaan, anggaran asal bagi projek-projek di atas telah diulangkaji dan dinaikkan dan jika ya, setakat mana kenaikan itu; dan
- (iv) samada kerana kenaikan perbelanjaan pembinaan, Kerajaan akan terpaksa melambatkan penyelesaian projek-projek ini.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Anggaran asal bagi projek Jalan Raya di antara Pantai Timur dan Barat mengikut yang ditunjukkan oleh General Transport Survey Report ialah \$85 juta.
- (ii) Jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini ialah kira-kira \$36 juta.
- (iii) Anggaran asal projek ini telah disemak semula bukan kerana kenaikan perbelanjaan pembinaan. Anggaran asal projek ini telah disediakan dengan berdasarkan kepada laporan awal sahaja. Tetapi setelah kerja-kerja ukur dan penyiasatan tanah yang telah disiasat dengan teliti dijalankan, anggaran tersebut perlu dikaji semula.
- (iv) Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek ini.
- (b) (i) Oleh sebab pada awalnya belum dapat lagi ditentukan samada hendak memperbesarkan Lapangan terbang Bayan Lepas Pulau Pinang yang ada sekarang ini atau hendak diperbuatkan yang baharu sekali maka anggaran sepenuhnya belum dapat disediakan.

Walau bagaimanapun "Feasibilities Studies" telah dijalankan adalah dianggarkan perbelanjaan untuk Lapangan terbang Pulau Pinang yang baharu akan memakan perbelanjaan berjuta-juta ringgit. Sekarang ini sebuah firma perunding telah pun dilantik untuk menyediakan rekabentuk bagi Lapangan terbang ini. Oleh itu anggaran akhir belum dapat lagi diketahui.

- (c) Anggaran asal \$12,000,000 harga yang telah ditawarkan ataupun tendered price \$11,700,000.

Bab yang lain, kerana kerja-kerja belum lagi dimulakan, tidak dapat hendak diberikan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada runway di Bayan Lepas boleh accommodate Jumbo Jet apabila siap. Yang kedua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah sebabnya kita di dalam Dewan ini tidak dapat laporan mengenai aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang telah diadakan dalam Kementerian Kerja Raya dan Tenaga? Tiap-tiap tahun kita terima laporan daripada Keretapi, Lapuran Lembaga Letrik, tetapi JKR yang mustahak sekali kita tidak dapat apa-apa laporan. Apakah sebabnya?

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kerja-kerja yang dibuat oleh Kementerian saya adalah di bawah Kementerian yang lain-lain, saya cuma ejen membuatnya sahaja. Itulah sebabnya kita tidak ada laporan berkenaan dengan kebanyakan projek yang dibuat oleh Kementerian saya.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan landasan terbang Bayan Lepas, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu bilakah landasan itu boleh disiapkan?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telahpun menjawab. Consultant kerana hendak membuat design baharu hendak mula. Ini memakan enam bulan atau setahun. Lepas itu baharu dipanggil tender, ini memakan masa enam bulan atau satu tahun. Kita anggar lapangan terbang international boleh sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi, Jumbo Jet boleh turun, itu pun belum dapat recommendation yang final, kita kena tengok juga. Kalau belanja terlampau besar tentu kita tidak boleh hendak belanjakan semua di lapangan terbang Pulau Pinang sahaja kerana di Sabah dan di Sarawak juga kita hendak membuat lapangan terbang, iaitu di Sibu dan di Sandakan, tunggulah, sabar dahulu, dalam tempoh empat lima tahun barangkali baharu siap.

**Tuan V. Veerappen:** Adakah Menteri tahu iaitu landasan kapalterbang Bayan Lepas ini kadang-kadang tak boleh digunakan apabila hujan lebat dan berlaku banjir, kapalterbang tak boleh keluar dan turun pun susah? Saya sendiri tengok. Oleh kerana itu . . . . .

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham apa benda yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu.

**Tuan V. Veerappen:** Adakah Menteri sedar landasan kapalterbang Bayan Lepas itu tak boleh digunakan kadang-kadang khasnya apabila hujan lebat dan berlaku banjir. Oleh kerana itu, bolehkah Kerajaan mempercepatkan buat landasan baharu itu?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan nampak kapalterbang lalu di kawasannya itu. Kapalterbang besar seperti DC-8 iaitu Thai International ataupun Kapalterbang 707 kita turun di Lapangan Mata Kuching buat sementara. Kapalterbang 737 sahaja yang boleh turun di Pulau Pinang. Kita ada cukup ground lighting dan segala-galanya, kita akan perbaiki, tetapi di mana-mana pun lapangan terbang kalau cuaca buruk, memang merbahaya turun. Dia pusing lagi baik balik ke Kuala Lumpur daripada jatuh di sana (*Ketawa*).

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan telah mendapatkan (acquired) tanah untuk sambungan kepada pembaikan landasan kapalterbang Bayan Lepas?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ahli Yang Berhormat itu tentu faham bahawa semuanya sudah siap, tunggu rangka bentuk, tender dan kita jalankan kerja. Saya lagi mahu lekas.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Tadi Menteri Perhubungan menyatakan lapangan terbang di Bayan Lepas untuk membesarkannya akan mengambil masa barangkali 4-5 tahun. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Perhubungan menjelaskan, mengapakah begitu cepat lapangan terbang di Senai Johor di bina, barangkali kurang satu tahun.

Adakah sebabnya berhampiran dengan kawasannya dan Bayan Lepas itu jauh daripada kawasannya? (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, tak pernah siapa pun cakup kurang satu tahun akan siap. Kita kata 18 bulan selekas-lekasnya, tetapi kalau 24 bulan pun rekod, kerana itu di atas bukit, dia tak ada londang macam Pulau Pinang dikelilingi oleh air, mahukan penyiasatan (research) dan testing. Ini kalau salah tempat, salah buat, dia tenggelam nanti—ini susah (*Ketawa*).

**Tuan Peter Paul Dason:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan saya tadi . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dia tidak jawab, ataupun dia tak mahu jawab, saya membenarkannya. Tinggal lagi apa yang dijawab, bolehlah diterima. Kalau hendak buat soalan tambahan lagi, boleh.

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya hendak menjelaskan bahawa tanah sudah acquired ataupun belum. Kalau belum, bila mahu acquire?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tak faham cakap Melayu. Saya kata semua sekali sudah siap sedia, maknanya siap sedia sudah acquired sudah segala-galanya. Tak faham lagi cakap saya? (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).*

#### KULITKRAFT—UNTUNG-RUGI

**10. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kenyataan untung-rugi Syarikat Kulitkraft sejak badan itu ditubuhkan; dan samada Kulitkraft sudah mengatasi masalahnya pada masa baru ditubuhkan dan adakah badan itu sekarang ini mendapat keuntungan.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Angka untung-rugi, tidak dapat diumumkan tetapi boleh diperolehi daripada Pendaftaran Syarikat.

Syarikat belum lagi mengatasi kesemua masalah. Sebahagian besar daripada masalah-masalah berkaitan dengan pengeluaran telah diselesaikan. Pada masa sekarang usaha-usaha sedang ditumpukan untuk mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan pemasaran.

Syarikat telah mengalami kerugian semasa sebelum keluaran. Walaubagaimanapun syarikat dijangka mendapat keuntungan tahunan dalam tahun 1974. Dalam tahun 1977 dijangka jumlah keuntungan yang diperolehi bukan sahaja dapat menghapuskan jumlah kerugian yang terkumpul bahkan syarikat akan dapat keuntungan keseluruhannya.

#### RAGGING DI UNIVERSITI MALAYA

**11. Tuan R. C. M. Rayan** minta Menteri Pelajaran menyatakan walaupun amaran telah diberi berulang-ulang kali ragging masih berleluasa di Universiti Malaya. Bolehkah beliau memberitahu mengapa pihak berkuasa Universiti lemah dalam melaksanakan peraturan Universiti.

**Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Pihak berkuasa Universiti tidak lemah dalam melaksanakan peraturan Universiti berkait dengan ragging ini. Tindakan adalah diambil olehnya atas semua kejadian ragging jika laporan dibuat kepadanya ataupun jika pihak Universiti sendiri memperolehi bukti-bukti yang cukup. Sebagai contoh, 4 orang mahasiswa yang terlibat dalam ragging baru-baru ini telah digantung daripada asrama sehingga kes-kes mereka ini dikemukakan kepada Lembaga Tata-tertib.

#### GERABAK KERETAPI— KEGELINCIRAN

**12. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab banyak berlaku kejadian keretapi dan gerabak-gerabak terkeluar dari landasan dalam minggu-minggu yang baru lalu, dan samada beliau sedar bahawa kejadian-kejadian ini

telah melemahkan kepercayaan orangramai terhadap menggunakan keretapi untuk perjalanan.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Sebab-sebab utama berlakunya kegelinciran di masa-masa yang lalu ialah kerana gerabak-gerabak yang digunakan ialah gerabak-gerabak lama dan landasan-landasan lama dan juga kekurangan kakitangan yang berpengalaman.

Sungguhpun gerabak-gerabak dan landasan-landasan adalah yang lama tetapi kerja-kerja penyelenggaraan yang cukup sentiasa dilakukan untuk menentukan semuanya berada dalam keadaan baik. Di samping itu tindakan-tindakan berikut juga diambil untuk mengelakkan daripada berlakunya kegelinciran:

- (a) sebanyak 710 buah gerabak-gerabak baru telah dipesan untuk menggantikan gerabak-gerabak lama;
- (b) sebanyak 104 batu rel baru telah juga dipesan dan dijangka diterima pada akhir tahun ini;
- (c) sebuah sekolah latihan telah dibina untuk memberi latihan yang sewajarnya kepada kakitangan-kakitangan keretapi bagi menambahkan pengalaman mereka; dan
- (d) satu yunit khas untuk menyiasat sebab-sebab berlakunya kegelinciran telah ditubuhkan supaya tindakan serta-merta dapat diambil bagi membetulkan sebarang keadaan yang tidak memuaskan.

Dengan tindakan-tindakan di atas saya pasti orangramai tidak akan hilang kepercayaan mereka terhadap perkhidmatan keretapi.

#### FILEM TAMIL DI T.V.—GANGGUAN

**13. Dr A. Soorian** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan mengurangkan bilangan gangguan-gangguan sewaktu tayangan filem-filem Tamil di T.V. Malaysia untuk membolehkan penuntun-penuntun menikmati filem itu.

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Perkara seperti ini telah dibawa

ke Dewan ini sebanyak *dua kali* iaitu pada 5-12-72 dan 24-1-73. Dasar Kementerian Penerangan tak berubah hingga hari ini.

### DASAR PERINDASTRIAN

**14. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan mengulangkaji dan menukar polisi perindustrian dan ekonomi am yang ada sekarang kerana memandangkan kepada kenaikan harga hasil-hasil keluaran dengan tingginya bila sahaja ia diusahakan di negara ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj bin Datuk Haji Abdul Rahman):** Dari masa ke semasa Kerajaan sentiasa mengulangkaji dasar perindustrian dan ekonomi negara termasuklah soal-soal dasar yang berkaitan dengan harga hasil-hasil keluaran.

Bila-bila difikirkan perlu, tindakan yang tegas telahpun diambil oleh Kerajaan di mana difikirkan bahawa tindakan ini akan menstabilkan harga segala bahan-bahan yang digunakan dalam negara kita.

Dari segi dasar perindustrian dan ekonomi negara, pihak Kerajaan berpuashati bahawa dasar ini tidak payah ditukar terutama sekali berkaitan dengan soal harga hasil keluaran.

### RANCANGAN LAWATAN WARGANEGARA

**15. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

(i) memandangkan kepada ramai jumlah orang-orang Melayu, Cina dan India dalam negara ini, apa langkah Kementerian beliau bercadang hendak ambil untuk menambahkan lagi bilangan lawatan ke Indonesia, Cina dan India untuk mengambil bahagian yang lebih giat lagi dalam aktiviti-aktiviti sukan dan pergerakan beliau serta pertukaran-pertukaran Kebudayaan dan lain-lain; dan

(ii) samada apa-apa rancangan menuju ke arah ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):**

(i) Polisi luar Kerajaan Malaysia ialah berbaik-baik dengan Kerajaan-kerajaan lain yang mempunyai pandangan yang serupa dengan negara ini. Ianya tidak beralaskan kepada jumlah orang yang datangnya dari negara-negara itu dan sekarang ini menjadi warganegara Malaysia. Alasan ini adalah penting bagi Malaysia kerana kita harus mengelakkan warganegara Malaysia daripada memandangkan ke negara asalnya untuk mendapat inspirasi dan menimbulkan emosi-emosi kesukuan, pada hal yang dipertekankan sekarang ini ialah supaya dimetrikkan perasaan perpaduan antara rakyat yang berbilang bangsa dengan identitinya sendiri.

Polisi yang demikian itu tidak menolak sama sekali pertemuan antara warganegara Malaysia dengan warganegara Indonesia, Cina dan India. Dari masa ke semasa rancangan-rancangan lawatan oleh warganegara Malaysia ke negara-negara tersebut akan dibuat mengikut faedah yang akan terdapat kepada negara kita dan tidak untuk faedah suku-suku kaum yang tertentu.

(ii) Rancangan-rancangan tertentu menuju ke arah ini tidak disediakan kerana tiap-tiap lawatan itu akan dipertimbangkan mengikut faedah yang mungkin diperolehi oleh negara.

### PERBADANAN PEMASARAN BATIK BUMIPUTRA BHD

**16. Tuan Yeoh Teck Chye** minta kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan benar Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputra Bhd. telah menjual batik yang bernilai \$3,000 dengan hutang kepada Syarikat National Suppliers di Taiping, yang mana bayarannya tidak dapat diperolehi. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu samada kejadian yang serupa ini berlaku dalam mana sipiutang melarikan diri, jika ada, sila beri keterangan serta menyatakan berapa banyak wang yang terlibat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tidak benar. Sepanjang yang diketahui tidak ada kejadian serupa ini berlaku.

## JAWATAN TINGKATAN TERTINGGI PERUBATAN

17. **Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa jumlah jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi tidak mencukupi dalam Jabatan Perubatan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menambahkan jawatan-jawatan pakar tersebut.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Saya berpendapat jumlah jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi dalam Jabatan Perubatan tidaklah kurang. Jumlah jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi dalam Jabatan Perubatan ialah 250 terdiri dari:

- (1) 68 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pegawai-pegawai Pentadbir Perubatan.
- (2) 22 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pegawai-pegawai Pentadbir Pergigian.
- (3) 132 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pakar-pakar Perubatan dan Pakar Sains.
- (4) 19 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pakar-pakar Pergigian.
- (5) 9 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Ahli Kimia Ubat.

Jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pakar Perubatan dan Pakar Sains ialah 132 berbanding dengan 173 orang Pakar-pakar yang terdiri daripada Warganegara. Jawatan-jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pakar Pergigian pula ialah 19 berbanding dengan 24 orang Pakar Pergigian Warganegara yang sedang berkhidmat. Sekalipun demikian Kementerian ini telah mengkaji untuk memperbaiki lagi kedudukan ini dan cadangan yang telah dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk menambahkan lagi jawatan tingkatan-tertinggi telah dipersetujui. Sebanyak 49 tambahan jawatan tingkatan-tertinggi telah diluluskan baru-baru ini seperti berikut:

- (1) 9 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pegawai Pentadbir Perubatan.
- (2) 8 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pegawai Pentadbir Pergigian.
- (3) 23 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pakar-pakar Perubatan dan Pakar Sains.
- (4) 2 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pegawai Pakar Pergigian.

- (5) 6 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Ahli Kimia Ubat.
- (6) 1 jawatan tingkatan-tertinggi bagi Ahli Fizik Hospital.

Dengan tambahan ini jumlah jawatan tingkatan-tertinggi bagi Pegawai-pegawai iktisas dalam Kementerian ini akan menjadi 299. Selain dari tambahan jawatan yang disebutkan itu ada beberapa jawatan yang sedia ada dinaikkan tarafnya ke peringkat yang tinggi pula.

## BULATAN JALAN SETESYEN KERETAPI TAIPING

18. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa bulatan Jalan Setesyen dan lintasan-rata keretapi Jalan Assam Kumbang, Taiping, menyusahkan orangramai; jika sedar, nyatakan:

- (a) samada suatu kajian tentang jenis lalulintas jalanraya yang melalui lintasanrata ini telah dibuat;
- (b) berapa kali secara hitung-panjang lintasanrata ini ditutup tiap-tiap hari;
- (c) samada rancangan untuk membina suatu terowong di bawah landasan keretapi sudah disediakan; dan
- (d) apakah yang telah terjadi kepada rancangan hendak membina jambatan atas menyeberangi landasan keretapi itu.
- (e) bila Kerajaan akan membenarkan pengusaha swasta membina terowong atau jambatan atas menyeberangi kawasan ini dan memungut tol kemudiannya kelak.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:**

- (a) Saya sedar. Tetapi jalan yang dimaksud oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu dari bulatan Jalan Setesyen Lintasan Keretapi Jalan Assam Kumbang adalah Jalan Raya Negeri yang diselenggarakan oleh Majlis Bandar Taiping (iaitu Majlis Autonomous). Oleh itu Kementerian saya tidaklah bertanggungjawab membuat kajian tentang jenis jalanraya yang diperlukan.
- (b) Get Lintasanrata itu dikawal tutup sebanyak 16 kali pada tiap-tiap hari.

- (c) Tidak berbangkit.
- (d) Tidak berbangkit.
- (e) Rancangan itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

### LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

19. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan Persekutuan akan mendesak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan untuk menubuhkan pusat-pusat pembahagi di Sarawak bagi membantu peladang-peladang dalam memasarkan hasil-hasil mereka dan mendapatkan harga yang berpatutan.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Rancangan-rancangan pemasaran yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengandungi rancangan untuk menubuhkan pusat-pusat mengumpul, membeli dan memproses hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani. Pusat-pusat ini akan didirikan mengikut keperluan perniagaan yang dijalankan.

Pada masa ini Lembaga itu telah melaksanakan Rancangan Pemasaran Lada Hitam di Sarawak. Di bawah Rancangan ini Pusat pusat memperingkat mutu lada hitam sedang dibina. Pusat pembahagi tidak perlu dalam rancangan ini dan saya tidak lihat apa-apa sebab untuk menggesa FAMA membinanya.

Pada tahun hadapan, Rancangan Pemasaran Kelapa akan diluaskan ke Sarawak. Rancangan ini mempunyai aspek kawalan dan aspek perniagaan. Bagi aspek perniagaan FAMA itu akan menubuhkan beberapa pusat membeli dan memproses kelapa di kawasan-kawasan kelapa di Sarawak.

Penyiasatan sedang dilakukan oleh FAMA itu untuk meluaskan projek menjual-beli lain-lain hasil pertanian seperti koko, sagu, kopi, kacang tanah, jagung dan sebagainya. Apabila rancangan-rancangan ini dilaksanakan FAMA akan menubuhkan pusat-pusat mengumpul dan membeli hasil-hasil pertanian. Untuk sementara ini FAMA akan memberi perkhidmatan seperti mengatur pasaran melalui pejabatnya di Kuching dan pejabat-pejabat cawangan Pemasaran Lada Hitam di Sarekei dan Simanggang.

### MAJLIS TEMPATAN SARAWAK

20. Tuan Luhat Wan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan memberikan pengakuan supaya lawatan oleh ahli-ahli Majlis Tempatan dari Sarawak ke Malaysia Barat yang akan datang tidak hanya dianggotai oleh ahli-ahli Majlis Tempatan dari Parti Kerajaan sahaja tetapi mengandungi ahli-ahli dari parti pembangkang juga.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Setakat yang saya tahu tidak ada Majlis-majlis Tempatan di Sarawak yang serupa keadaannya seperti yang ada di Malaysia Barat. Penguasa-penguasa Tempatan itu berbentuk samada sebagai Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah Bandar (Urban District) atau Majlis Daerah. Akan tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat peraturan-peraturan lawatan yang hendak dilakukan oleh Ahli-ahli Majlis Penguasa Tempatan di Sarawak ke Malaysia Barat itu adalah dibuat oleh pihak-pihak Penguasa Tempatan itu sendiri dengan mendapatkan kebenaran dari Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh itu saya tidaklah dapat memberi jaminan yang diminta itu. Ahli Yang Berhormat itu adalah dinasihatkan agar mengemukakan pertanyannya kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

### JALAN ULU KRIAN

21. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sejauh manakah Kerajaan Negeri Sarawak telah melaksanakan pembinaan Jalan Ulu Krian memandangi kepada sumbangan Kerajaan Persekutuan sebanyak \$100,000 dan berapa banyakkah Kerajaan Persekutuan akan membantu bagi menyiapkan jalan ini.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Peruntukan sebanyak \$100,000 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Memandangi kepada jalan ini jalanraya Negeri terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat untuk merujuk perkara-perkara mengenai kepada Kerajaan Negeri untuk maklumat selanjutnya.

## PADI DUA KALI SETAHUN—TANAMAN

**22. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membolehkan penanaman padi dua kali setahun di Sarawak supaya harga beras dapat distabilkan serta bekalan tempatan sentiasa mencukupi tiap-tiap tahun.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Dasar Kerajaan bagi menggalakkan penanaman padi dua kali setahun ialah di tempat-tempat yang mempunyai kemudahan perairan untuk melakukannya dengan tujuan untuk menambah pengeluaran padi dan seterusnya membantu peladang-peladang meningkatkan pendapatannya.

Mengikut Kerajaan Negeri Sarawak satu kajian kemungkinan sedang dijalankan oleh pakar-pakar perunding di Bahagian Keempat. Kajian itu antara lain-lain akan mengenali kawasan-kawasan yang sesuai bagi perusahaan pertanian. Kajitanah peninjau secara separuh lengkap juga sedang dijalankan di Bahagian Pertama. Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat permohonan bagi bantuan daripada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu untuk menjalankan kajian yang serupa di Bahagian Kedua dan lain-lain bahagian di negeri itu. Jika didapati kawasan-kawasan yang mempunyai bekalan air sesuai untuk tanaman padi dua kali setahun Kerajaan Negeri Sarawak bolehlah menimbangakan pelaburan modal untuk mengadakan kemudahan bagi tanaman padi dua kali setahun sejajar dengan matlamat yang tersebut.

Menurut keterangan dari Lembaga Padi dan Beras Negara, pada masa sekarang Negeri Sarawak mengimpot kira-kira 40%-50% keperluan berasnya dari luar negeri. Oleh itu harga beras di negeri tersebut adalah dipengaruhi oleh harga beras di pasaran dunia. Kenaikan harga beras di Sarawak sekarang adalah akibat daripada kenaikan harga beras di pasaran dunia yang menghadapi kekurangan barang itu.

## BANTUAN KEPADA MURID-MURID LUAR BANDAR

**23. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apa bantuan-

bantuan lain yang telah diberikan kepada murid-murid dari keluarga-keluarga luar bandar yang miskin di Sarawak yang belajar di dalam kelas-kelas menengah rendah, selain daripada memberi hadiah-hadiah biasiswa tempatan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Mengikut perenggan 17, "Laporan Inter-Governmental Committee", 1972, dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di Negeri Sarawak adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri tersebut. Oleh yang demikian, sepatutnya soalan ini ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Walaupun demikian, mengikut makluman yang diberikan oleh Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak, bantuan-bantuan yang diberikan selain daripada hadiah-hadiah biasiswa tempatan adalah seperti berikut:

- (a) pengurangan bayaran sekolah di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan;
- (b) pengecualian dan pengurangan bayaran sekolah atau bayaran hostel atau kedua-duanya di sekolah-sekolah menengah Kerajaan;
- (c) pinjaman buku-buku teks di sekolah-sekolah menengah Kerajaan;
- (d) murid-murid dari kelas-kelas aliran Bahasa Malaysia dikecualikan daripada bayaran sekolah.

## HOSPITAL BESAR IPOH—PESAKIT

**24. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa sebilangan pesakit-pesakit yang dimasukkan ke wad-wad kelas 3 di Hospital Besar, Ipoh, disuruh pulang ke rumah masing-masing sebelum penyakit mereka sembuh dengan sempurna, jika ya, mengapa;
- (ii) samada beliau sedar bahawa wad-wad tersebut adalah penuh sesak dengan barisan-barisan katil tambahan; dan
- (iii) samada memandang kepada perkara (ii) di atas, beliau akan membina lebih lagi wad-wad baru untuk menampung pesakit-pesakit yang bertambah-tambah bilangannya yang dimasukkan ke hospital itu.

**Tan Sri Lee Siok Yew:**

- (i) Ia, saya sedar di atas perkara ini. Walau bagaimanapun saya telah dimaklumkan oleh Pakar-pakar Perubatan bahawa pesakit-pesakit dikeluarkan dari hospital sebaik-baik sahaja Pegawai Perubatan berpendapat bahawa mereka tidak lagi memerlukan rawatan selanjut dalam hospital. Tidak semestinya pesakit-pesakit itu sembuh dengan sepenuhnya baru mereka dikeluarkan.
- (ii) Ia. Sebuah Hospital Besar baharu bagi Ipoh sedang di dalam pembinaan.
- (iii) Kerja-kerja membina telah dimulakan awal tahun ini dan projek ini dijangka siap pada tahun 1976 yang mana akan memuatkan sebanyak 1,242 buah katil.

**TOPI KELEDAR—MEWAJIBKAN**

**25. Dr A. Soorian** minta Menteri Perhubungan menyatakan tarikh matlamat undang-undang menggunakan topi keledar akan dikuatkuasakan dan bagaimana tentang Haji-haji dan Alim Ulama yang memakai serban.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tarikh jangkaan bagi mewajibkan pemakaian topi keledar oleh penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal dan motor skuter akan diistiharkan sebaik-baik sahaja bilangan topi keledar yang dikeluarkan oleh Pusat Piawaian Malaysia mencukupi di negara ini. Walaubagaimanapun saya telahpun mengadakan satu mesyuarat dengan penge- luar-pengeluar topi keledar dan Pusat Piawaian Malaysia untuk mengetahui daya pengeluaran penge- luar-pengeluar itu dan saya berharap akan memberikan masa yang cukup kepada penunggang-penunggang motosikal untuk membeli topi-topi keledar mereka.

Peraturan-peraturan bagi mengecualikan haji-haji yang memakai serban dari memakai topi keledar semasa menunggang motosikal dan skuter sedang disusun dan akan diwartakan kelak.

**KURANG VITAMIN BAGI MURID-MURID LUAR BANDAR**

**26. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh

Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah kurang vitamin dan makanan di kalangan murid-murid sekolah di luar bandar.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan tidak ada mengelolakan sendiri rancangan makanan tambahan untuk mengatasi kekurangan vitamin dan makanan di kalangan murid-murid. Walaupun demikian, kedua-dua Kementerian ini ada mempunyai wakilnya dalam Jawatankuasa yang menasihatkan Majlis Pusat Kebajikan Am (Central Welfare Council) yang mengelolakan rancangan makanan tambahan.

Dari segi pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan bekerjasama dalam mengadakan Rancangan Bersama Kesihatan Sekolah (Joint School Health Programme) dan Projek Amalan Nilai Pemakanan. Dengan pelajaran yang diberikan kepada sekolah-sekolah ini adalah diharapkan bahawa murid-murid akan dapat menambah pengetahuan mereka dalam perkara-perkara berkaitan dengan makanan dan mengamalkannya.

Selain dari itu, Kementerian Kesihatan juga ada memberi rawatan terhadap murid-murid yang kurang sihat disebabkan kekurangan zat makanan.

**PEKERJAAN KEPADA KANAK-KANAK**

**27. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa beratus-ratus ribu kanak-kanak di bawah umur 16 atau 17 tahun yang bekerja sebagai buruh dan berbagai perjawatan dengan masa kerja yang panjang yang mendapat bayaran rendah dan pada amnya dalam keadaan-keadaan yang tertindas, dan jika sedar, nyatakan samada beliau akan menjalankan satu kajian seluruh negara mengenai jenis bidang dan setakat mana ujudnya buruh kanak-kanak di negara ini, supaya ia dijadikan langkah pertama bagi mengawal dan mengatur dengan betul.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Ahli Yang Berhormat telah memperbesar-besarkan akan kedudukan yang berhubung dengan pekerjaan kanak-kanak dan orang-orang muda.

Akta (Kerja) Kanak-kanak dan Orang-orang Muda, 1966 menyediakan peruntukan pekerjaan kepada kanak-kanak dan orang-orang muda. Orang-orang muda adalah diertikan sebagai orang-orang yang telah mencapai peringkat umur 14 tahun tapi di bawah 16 tahun. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk menjaga kedudukan mereka. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sering membuat lawatan-lawatan biasa dan mengejut ke semua tempat-tempat pekerjaan dan jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap undang-undang buruh, maka hal ini diperbetulkan. Mereka juga mengambil perhatian akan kes-kes di mana terdapatnya pembayaran gaji yang terlampau rendah.

Orang-orang berumur 14 tahun hingga 16 tahun adalah selalunya bekerja di perusahaan-perusahaan yang dikendalikan oleh keluarga atau saudara-mara mereka sendiri ataupun di perusahaan kecil-kecilan seperti kedai-kedai kerinting rambut, kedai runcit, kedai makan dan sebagainya.

Oleh kerana undang-undang yang terdapat sekarang ini dan sistem pemeriksaan yang mencukupi bagi menjamin supaya tidak adanya perbuatan salahguna, perlindungan kepada kanak-kanak dan orang-orang muda mengenai kadar-kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan, adalah dijalankan dengan baik sebagai sebahagian dari keseluruhan pentadbiran penguatkuasaan buruh yang berkaitan dengan semua pekerja pada keseluruhannya.

Undang-undang ini umumnya dipatuhi dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan undang-undang ini disalahgunakan mengenai pekerjaan kanak-kanak dan orang-orang muda. Walaubagaimanapun Ahli Yang Berhormat sedar bahawa adanya perbuatan salahguna, sudilah kiranya Ahli Yang Berhormat memberi maklumat-maklumat yang perlu untuk membolehkan Kementerian saya mengambil tindakan yang sewajarnya.

### RAMBUT PENDEK—POTONGAN

**28. Tuan R. C. M. Rayan** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar iaitu Guru-guru telah diberitahu oleh Kementerian supaya menyimpan rambut pendek. Sebaliknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dilaporkan memberitahu iaitu perkara ini ialah kebebasan perseorangan. Oleh kerana ada dua pendapat Guru-guru

Besar tidak dapat menjalankan tindakan tatatertib terhadap guru-guru yang menyimpan rambut panjang, adakah Menteri akan memberi penjelasan mengenai peraturan menyimpan rambut panjang ini samada dikenakan kepada guru-guru sekolah sahaja atau meliputi semua kakitangan Kerajaan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Arahan Kementerian Pelajaran mengenai potongan rambut yang terkandung dalam surat K.P. 8543/(73) bertarikh 10hb Mac, 1972 adalah ditujukan kepada guru-guru, murid-murid dan kakitangan-kakitangan sekolah sahaja.

### PUSAT PASARAN GETAH ASLI

**29. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama nyatakan:

- (i) samada dalam rancangan untuk menjadikan Kuala Lumpur pusat pasaran getah asli yang penting, kajian yang lengkap telah dibuat bagi menentukan kelengkapan yang sempurna berkenaan kemudahan pengangkutan, perhubungan banking dan kepakaran pemasaran; dan
- (ii) samada pasar Kuala Lumpur berlainan atau jarak hubungannya dengan pasaran Singapura.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):**

- (i) Kajian-kajian sedang dijalankan oleh Kementerian/Jabatan yang berkenaan mengenai kemudahan-kemudahan yang perlu untuk membolehkan pasaran getah di Kuala Lumpur menjadi suatu pasaran getah yang terkemuka di dunia.
- (ii) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pasaran Getah Malaysia (Malaysian Rubber Exchange) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Federation of Malaya Rubber Exchange (Incorporation) Act, 1960 dan dengan demikian adalah satu badan yang berasingan dengan mana-mana badan di luar negeri termasuk Pasaran Getah di Singapura. Namun demikian hubungan dengan mana-mana pasaran mestilah berterusan.

### PARIT DI TAMAN BROWN GLUGOR—PEMBINAAN

30. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sebab-sebab kelewatan menyiapkan parit besar yang baru (monsoon drain) berharga lebih daripada \$190,000 di Brown Garden, Glugor yang mana Kerajaan Pulau Pinang telah berjanji akan siap dalam masa setahun. Adakah Menteri itu sedar bahawa sekarang sudah hampir dua tahun dan parit itu masih belum siap dan oleh sebab itu masalah banjir belum lagi dapat diatasi dan jika ya, bilakah parit itu akan siap.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Pembinaan parit besar yang baru di Kawasan Taman Brown, Glugor itu adalah sebuah projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Menurut keterangan yang diberi oleh pihak yang berkenaan kerja tersebut telahpun siap. Oleh itu saya tiadalah sedar dengan kelewatan yang didakwa itu.

### KAWASAN HAJI KAMPUNG DI TAIPING

31. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa kawasan Haji Kampung di Taiping telah diberi kepada orang-orang Taiping yang tidak bertanah untuk satu rancangan perumahan sebelum Pilihanraya Umum 1969; tetapi hingga sekarang selepas empat tahun, tidak ada apa-apa kemajuan telah tercapai dalam perkara ini; jika ya, sila nyatakan:

- (a) bilangan lot-lot yang masing-masing dibagikan kepada orang-orang Melayu, Cina dan India dan kutipan-kutipan yang masing-masing dipungut daripada mereka;
- (b) bahawa jika Kerajaan tidak mahu menggunakan wang yang dipungut itu untuk memajukan tanah tersebut, adakah Kerajaan akan mengembalikan wang itu atau membayar faedah kepada orang-orang yang berkenaan;
- (c) samada ada sesuatu undang-undang dalam mana pemaju-pemaju perumahan boleh didakwa sekiranya mereka mengutip, wang daripada orangramai atas perjanjian membina rumah untuk mereka pada hal yang sebenarnya tidak ada

apa-apa pembangunan telah berlaku; dan

- (d) samada benar atau tidak bahawa kebanyakan daripada pemohon-pemohon lot-lot perumahan yang telah berjaya itu sendiri adalah pemilik-pemilik tanah.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Rancangan yang dipersoalkan ini adalah rancangan Kerajaan Negeri. Setahu saya rancangan ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada akhir tahun 1966 dan setakat ini belum lagi dilaksanakan apa-apa pembinaan.

- (a) Lot-lot yang telah diperuntukkan adalah seperti berikut:

Bagi orang-orang Melayu	223 lot
Bagi orang-orang bukan Melayu	367 lot

Jumlah harga pembangunan yang telah dikutip setakat ini ialah \$337,020.25.

- (b) Kerajaan akan menggunakan wang yang dipungut itu bagi maksud pembangunan. Pada masa ini Kerajaan sedang memajukan kawasan ini dengan mendalamkan sungai yang mungkin membanjiri kawasan ini dan pembinaan jalan-jalan juga akan dimulakan.
- (c) Berkenaan soalan ini, saya tidak dapat memberi jawapan melainkan segala nyataan (facts) berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan itu diberi dengan sepenuh-penuhnya. Oleh itu saya minta Ahli Yang Berhormat memberi segala keterangan berkenaan dengan perkara itu supaya dapat saya kemukakan kepada pihak yang berkenaan.
- (d) Saya tidak dapat memastikan samada perkara ini benar atau tidak. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan berlaku perkara sedemikian dengan jalan memaparkan nama-nama pemohon yang diluluskan untuk orangramai membuat bantahan dan sebagainya.

### KOMPOSISI PENDUDUK DALAM PERINDASTRIAN

32. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan supaya orang-orang India diwakili mengikut kadar imbalan penduduk-penduduk

dalam semua bidang perindustrian dan lain-lain tempat pekerjaan baru, serta dalam sektor-sektor Kerajaan dan swasta.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa tenagakerja di tempat-tempat perusahaan firma dan tempat-tempat pekerjaan yang baru hendaklah mencerminkan komposisi berbilang kaum penduduk-penduduk negara ini. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi memastikan yang dasar ini adalah diikuti.

### JALAN BUKIT BENDERA—BANTUAN WANG

**33. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (i) samada benar yang Kerajaan Pusat telah bersetuju membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan memberi bantuan wang untuk membina Jalan Bukit Bendera (Penang Hill Road);
- (ii) jumlah perbelanjaan yang dianggarkan akan dibelanja untuk projek itu dan jumlah wang yang Kerajaan Pusat bersetuju menyumbang; dan
- (iii) kemajuan projek itu pada masa sekarang dan tarikh projek ini dijangka selesai.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:**

- (i) Setakat ini Kerajaan Pusat belum ada memberi bantuan wang kepada Kerajaan Pulau Pinang mengenai Jalan Bukit Bendera (Penang Hill Road) ini. Tetapi baru-baru ini Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju terhadap pembinaan jalan menuju ke setesyen TV dan Microwave di Bukit Penara bagi keperluan TV dan Microwave tersebut. Jalan ini adalah merupakan sebahagian daripada Jalan Bukit Bendera yang disebutkan itu. Perbelanjaan pembinaan jalan menuju ke Bukit Penara ini akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Penerangan dan adalah difahamkan bahawa Kementerian berkenaan sedang mengambil tindakan mengenai hal ini;
- (ii) Mengikut Lapuran Penang Master Plan anggaran perbelanjaan Jalan Bukit Bendera yang sepanjang 12.75 batu ini

ialah kira-kira \$8,546,000. Jumlah sumbangan dari Kerajaan Pusat sebagaimana yang saya sebutkan tadi belum lagi ditentukan.

- (iii) Seperti yang disebutkan tadi Kementerian Penerangan difahamkan sedang mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengenai cadangan membina jalan ke setesyen TV dan Microwave di Bukit Penara itu. Oleh sebab projek ini belum lagi dilaksanakan tidaklah dapat saya memberitahu kemajuannya setakat ini.

### PERMOHONAN DITOLAK MASUK UNIVERSITI

**34. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan permohonan untuk memasuki berbagai universiti tahun ini yang telah ditolak dengan memberi pecahan-pecahan angka menurut kaum bagi setiap universiti.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:**

	India dan			Jumlah
	Bumiputra	Cina	lain-lain	
Universiti Malaya .. ..	883	859	183	1,925
Universiti Sains Malaysia ..	646	1,136	157	1,939
Universiti Kebangsaan Malaysia	1,225	19	18	1,262
Universiti Pertanian Malaysia ..	1,914	658	104	2,626
Institut Teknologi Kebangsaan ..	1,044	239	26	1,349

1,914 permohonan yang ditolak oleh Universiti Pertanian Malaysia ialah permohonan untuk mengikuti kursus diploma. Berhubung dengan 1,044 yang ditolak oleh Institut Teknologi Kebangsaan, 515 ialah pemohon untuk mengikuti kursus ijazah dan 529 untuk mengikuti kursus diploma.

### HAKMILIK TANAH

**35. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa Kerajaan Negeri Perak masih lagi mengeluarkan Hakmilik Tanah untuk tempoh selama 30 tahun, dan jika ya, samada perbuatan ini bukan melanggar perjanjian yang Hakmilik Tanah akan dikeluarkan untuk pajakan selama 60 tahun.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Pada masa ini Kerajaan Negeri Perak tidak lagi mengeluarkan Hakmilik Tanah untuk tempoh selama 30 tahun. Mulai 6-12-1972.

Kerajaan Negeri Perak mengeluarkan Hakmilik Tanah dengan tempoh 60 tahun, meliputi kawasan-kawasan kampung baru yang terletak di dalam kawasan Tanah Desa, Majlis Tempatan dan Lembaga Perbandaran. Bagi pemegang-pemegang Hakmilik Tanah yang tempohnya 30 tahun, iaitu yang di lah menyerahkan balik Hakmilik itu dan dikeluarkan sebelum 6-12-1972, mereka boleh-mudiannya membuat permohonan baru supaya diluluskan dengan tempoh 60 tahun oleh Pemungut Hasil Tanah. Sungguhpun begitu, saya diberitahu bahawa setakat ini pemegang-pemegang Hakmilik di kampung-kampung baru belum lagi berbuat demikian.

### BANJIR—KESULITAN

**36. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan adakah beliau sedar bahawa apabila hujan, banjir selalu berlaku di beberapa puluh buah kampung dalam Kawasan Pulau Pinang Selatan disebabkan parit-parit dalam kawasan ini tidak dibersihkan oleh jabatan yang berkenaan dan hasilnya penduduk-penduduk kampung yang miskin itu terpaksa menderita. Jika sedar, adakah Kementerian akan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mencuci dan membersihkan parit-parit di Kawasan Pulau Pinang Selatan dari semasa ke semasa.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Sehingga soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pulau Pinang Selatan itu, saya tidak ada menerima laporan mengenai kesulitan ancaman banjir seperti yang ditimbulkan. Saya telah mengarahkan Ketua Pengarah Parit dan Taliair untuk membuat siasatan dan memberi butir-butir yang lanjut berkenaannya bagi dipertimbangkan.

### BAHASA MALAYSIA—GAGAL M.C.E.

**37. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan M.C.E. 1972 semata-mata kerana Bahasa Malaysia.

- (i) yang telah memohon untuk mengulang semula peperiksaan (retention) dan bilangan (a) yang telah diberi tempat di sekolah-sekolah dan (b) bilangan yang telah ditolak permohonannya;

- (ii) bilangan pelajar-pelajar yang terkandas yang tidak memohon untuk mendapatkan tempat-tempat di sekolah; dan
- (iii) mengapa sebilangan besar pelajar-pelajar yang telah diberi peluang untuk mengulang semula peperiksaan telah dimasukkan sebagai calon persendirian dalam peperiksaan M.C.E. 1973 dan bukan sebagai calon sekolah.

### Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (i) dan
- (ii) dalam mempelawa tempat-tempat di Tingkatan V bagi murid-murid yang gagal dalam peperiksaan M.C.E. 1972, syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pelajaran hanyalah seperti berikut:

- (a) Murid-murid itu hendaklah mereka yang belajar di Tingkatan V pada tahun 1972;
- (b) Murid-murid itu hendaklah belum pernah ditahan di mana-mana Tingkatan sebelum dari itu; dan
- (c) Murid-murid yang telah melalui kelas-kelas peralihan hendaklah telah lahir pada tahun 1954 atau selepasnya;

Murid-murid yang telah tidak melalui kelas-kelas peralihan hendaklah lahir pada tahun 1955 atau selepasnya. Ini bermakna bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengasing-asingkan di antara penuntut-penuntut yang tidak lulus peperiksaan M.C.E. 1972 semata-mata kerana Bahasa Malaysia dengan penuntut-penuntut yang gagal kerana sebab-sebab lain. Dengan yang demikian saya berdukacita tidak dapat hendak memberikan angka-angka yang dikehendaki dalam soalan-soalan (i) dan (ii). Walaupun demikian, semua calon-calon yang gagal dalam peperiksaan M.C.E. 1972 semata-mata kerana gagal dalam Bahasa Malaysia yang telah memohon dan memenuhi syarat-syarat yang saya sebutkan tadi itu telah diberi tempat.

- (iii) Ini adalah kerana mereka telah mendaftar untuk memasuki peperiksaan M.C.E. lebih awal daripada membuat permohonan untuk mengulangi belajar

di Tingkatan V. Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri telah diarahkan untuk memasukkan semua calon-calon yang diberi tempat dalam Tingkatan V di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan ini ke dalam senarai pendaftaran sekolah-sekolah yang berkenaan. Arahan ini sudahpun dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri bagi calon-calon yang memohon untuk ditukar sebelum tarikh tutup penerimaan pendaftaran calon-calon, iaitu 30hb April, 1973.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Julai, 1973).

*Perbahasan disambung semula.*

#### **Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam mengenai dengan Akta Majlis Amanah Rakyat yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakala kita menyebut Majlis Amanah Rakyat, maka tentulah kita ingat kepada sejarah dalam tahun 1966 waktu mula-mula ditubuhkan Majlis ini ialah hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputra Yang Pertama yang memberi amanah kepada Kerajaan untuk melahirkan sebuah Majlis yang akan bertanggungjawab untuk memberi pertolongan seberapa yang boleh kepada bumiputra bagi melibatkan mereka di dalam perniagaan dan perdagangan dan hasrat ini amatlah sesuai sekali dengan apa yang ada di hadapan kita sekarang ini pula, iaitu dengan Dasar Ekonomi Baru yang diciptakan oleh Kerajaan sekarang ini.

Sesudah Majlis ini berjalan sekian lama, dan melalui berbagai-bagai proses dan menemui jalan yang berliku-liku di hadapannya, maka dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa di dalam tempoh itu pihak MARA

sudah banyak membuat jasa kepada rakyat negeri ini. Dan bagi mereka yang telah menerima sedikit sebanyak perubahan hasil daripada pertolongan MARA mahu tidak mahu mereka adalah juga bertanggungjawab pula untuk menolong atau membantu orang-orang lain kemudian hari.

Sekarang ini, sudah banyak Kerajaan menubuhkan badan-badan yang lain yang dikatakan badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa dan badan-badan yang lain ini kadangkala kita melihat masing-masing berlumba dan pada satu ketika perlumbaan itu bertentangan dan kadang-kadang kita melihat seperti PERNAS dengan MARA ada perselisihan di dalam perlaksanaannya, dan itulah yang menyebabkan ahli-ahli perniagaan yang baharu muncul dalam negara kita ini menjadi kelamkabut. Setengah-setengahnya apabila menemui kepada pegawai PERNAS, pegawai PERNAS mengatakan dia yang betul, MARA yang kurang betul. Apabila kita menemui pegawai MARA, MARA mengatakan dia yang betul, PERNAS yang kurang betul. Saya terpaksa menyebutkan perkara ini, kerana saya memikirkan dengan adanya Rang Undang-undang di hadapan kita ini seperti yang saya katakan semalam bahawa Rang Undang-undang ini adalah merupakan suatu Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini setelah MARA mengkaji kesilapan yang telah berlaku di dalam tahun 1972 waktu diadakan Pengerusi dengan dibantu oleh seorang Timbalan Pengerusi.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Bolehkah Ahli Yang Berhormat itu sentuh bagaimanakah pertelagahan yang berlaku di antara PERNAS dengan MARA supaya saya boleh jawab kemudian?

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Pertelingahan yang saya maksudkan untuk maklumat Yang Berhormat Menteri secara ringkas, kalau diakhir tahun 1972 kita pergi ke Ibu Pejabat MARA di Kuala Lumpur, kita akan dengar cerita setengah-setengah pegawai kiblatnya kepada Pengerusi MARA dan setengah-setengah pegawai kiblatnya kepada Timbalan Pengerusi MARA. Ini satu perkara yang tidak dapat dinafikan, kerana kepada saya sendiri pernah saya dengar cerita-cerita ini dan itulah yang saya katakan semalam barangkali satu cara yang paling

bijak yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara Pengerusi MARA dengan Timbalan Pengerusi yang saya maksudkan itu sekarang ini masing-masing dinaikkan pangkat, maka berhijrahlah mereka kedua dari MARA berada di tempat lain.

Dengan adanya Timbalan Pengerusi baharu yang ada pada hari ini dan dengan Rang Undang-undang ini dinaikkan pangkat, saya nampak Alhamdulillah, perubahan sudah berlaku dan tanda-tanda menunjukkan kebaikan yang ada kepada MARA sekarang ini.

Mengikut Rang Undang-undang ini, ada dua kemajuan yang hendak dibuat oleh MARA. Yang pertama, dengan Rang Undang-undang ini melahirkan suatu jemaah baru yang akan disebut di sini sebagai jemaah penasihat yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Menteri, dan satu lagi ialah untuk menubuhkan semula sebuah Majlis baru yang Pengerusi MARA akan dijadikan sebagai Ketua Pengarah yang bertanggungjawab bagi menyediakan program, sekim atau projek untuk ditimbangkan oleh Majlis dari satu masa ke satu masa.

Saya hendak sentuh secara khusus kepada perkara yang baru yang disebut di dalam Rang Undang-undang ini iaitu mengenai dengan sebuah jemaah penasihat yang dicadangkan mengikut Rang Undang-undang ini. Saya ingin mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah sesudah Jemaah Penasihat yang dicadangkan itu, sesudah ditubuhkan mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri, seorang wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, seorang wakil dari Perbadanan Pembangunan Bandar, seorang wakil dari Perbendaharaan dan 7 orang ahli ini akan benar-benar diberi peluang kepada mereka menasihati kepada Menteri dari satu masa ke satu masa atau badan ini hanyalah ada sebagai badan sahaja dan di dalam perlaksanaannya nanti akan bersikap sebagai "rubber stamp" sahaja kepada MARA. Kalau badan ini benar-benar akan digunakan sebagai sebuah badan yang akan memberi nasihat kepada Menteri, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya tujuh orang ahli lain yang dimaksudkan di dalam Fasal 5, 6A (h) ini hendaklah tujuh orang ahli lain ini dipenuhi dengan

wakil-wakil daripada Dewan-dewan Perniagaan Melayu yang ada di seluruh Malaysia kita ini. Kerana dengan adanya wakil-wakil dari Dewan Perniagaan Melayu duduk di dalam Lembaga ini atau duduk dalam jemaah ini, maka dapatlah wakil-wakil daripada Dewan-dewan Perniagaan Melayu memberi suatu garisan, memberi suatu panduan yang secukupnya ataupun yang sesuai dengan kehendak-kehendak ahli perniagaan yang difikirkan boleh dilaksanakan di dalam negara kita ini.

Saya nyatakan demikian, kerana banyak kita dengar keritik-keritik atau teguran-teguran daripada ahli-ahli perniagaan, khususnya ahli-ahli perniagaan bumiputra yang merasa bahawa sesuatu polisi ataupun sesuatu perkara yang dijalankan oleh MARA kadangkala merupakan perlawanan antara MARA dengan ahli-ahli perniagaan Melayu. Misalnya, kita katakan ada sesuatu benda yang sudah menjadi kemahiran ahli-ahli perniagaan Melayu menjalankannya, tiba-tiba MARA mengusahakan perkara itu. Ini memberi suatu erti bahawa dalam perlumbaan perniagaan bagi kalangan bumiputra pada hari ini, selain daripada mereka terpaksa berhadapan dengan orang-orang bukan bumiputra, mereka juga terpaksa berhadapan dengan suatu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti MARA. Jadi. . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu menerangkan contoh supaya saya boleh jawab.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Saya kurang jelas, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya suka Ahli Yang Berhormat memberikan contoh supaya saya boleh jawab. Tadi saya minta Ahli Yang Berhormat menerangkan contoh bagaimana PERNAS dengan MARA bertelagah. Tetapi nampaknya tidak ada contoh yang dikeluarkannya, dan sekarang beliau mengatakan MARA membuat perniagaan berlawanan dengan perniagaan bumiputra. Jadi saya minta contohnya supaya saya boleh jawab.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tadi saya ingat Yang Berhormat Menteri minta saya menerangkan pergeseran di dalam

MARA, tidak terang tadi. Tetapi masalah PERNAS dengan MARA saya akan letakkan di hujung ucapan saya.

Mengenai dengan ini juga, saya katakan kadang-kadang ahli-ahli perniagaan merasa ada perlawanan ataupun perlumbaan dengan MARA, saya hendak sentuhlah. Saya sebutkan satu perkara sekarang ini. Pernah saya dengar Yang Berhormat Menteri sendiri memberi ucapan terutama sekali di saat-saat yang akhir ini menggalakkan bumiputra supaya mengambil bahagian di dalam bahagian pengangkutan. Saya dapat faham di saat-saat yang akhir ini ramai daripada kalangan bumiputra yang berminat dan mempunyai kemahiran di dalam bidang pengangkutan ini seperti perkhidmatan lori. Kemudian MARA juga mempunyai lorinya sendiri sekarang ini. Apabila ada ahli-ahli perniagaan Melayu membuat permohonan untuk mendapatkan permit lori, walaupun permit itu dimajukan kepada Kementerian Perhubungan, tetapi yang memproseskannya sekarang ini ialah MARA.

Kemudian di dalam prosesnya saya dapat faham sekiranya permit yang dipohonkan oleh bumiputra itu melibatkan kawasan ataupun jalan-jalan yang sudah dilalui oleh kenderaan lori MARA, maka pihak yang berkenaan di dalam Lembaga Pelesen yang di dalamnya dikontrolkan oleh MARA, tidak berapa suka meluluskan permohonan itu. Kerana katanya kalau permohonan itu diluluskan, maka khuatir kalau-kalau perkhidmatan yang telah dijalankan oleh MARA itu mendapat kerugian. Ertinya MARA bimbang kalau apa yang dipohonkan oleh bumiputra di tempat yang pernah dilalui oleh lori MARA itu ataupun jalan-jalan yang dilalui oleh MARA, maka dia khuatir perkhidmatan kenderaan lori MARA itu akan mendapat kerugian. Itulah saya katakan tujuan kita melahirkan MARA ialah untuk membimbing bumiputra, untuk mengambil tempat sebelum bumiputra mahir. Ertinya, setelah bumiputra mempunyai kemahiran di dalam bidang itu, saya fikir tidaklah patut lagi pihak MARA merasa khuatir ianya mendapat kerugian. Sepatutnya kalau sudah ada bumiputra yang mahu mengambil tempat yang sekarang ini, sedang dijalankan oleh MARA eloklah MARA dengan hati yang bersih, dengan rasa yang penuh bangga menyerahkan perkhidmatan itu kepada bumiputra. Tetapi kalau MARA pun hendak gunakan jalan itu, bumiputra pun

mahu ambil tempat itu maka berlaku pergeseran yang saya maksudkan. Tetapi kalau hendak dikaji seperti bas MARA, saya dapat faham selama ini MARA banyak memberi peluang kepada bumiputra mengambil alih bas-bas yang selama ini dipunyai oleh MARA iaitu bas-bas MARA sendiri menanggung kerugian. Ertinya mana-mana yang MARA merasa dia rugi di dalam perkhidmatan bas maka itulah diberi kepada bumiputra, yang untung dia pegang.

Pada fahaman saya agaknya adalah sedikit kesilapan di dalam perlaksanaannya dan tidak menepati seperti yang kita kehendaki waktu kita mengasaskan MARA yang dilahirkan mengikut kehendak ataupun mengikut kemahuan, ahli-ahli perniagaan di dalam Kongress Ekonomi yang pertama dahulu.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh juga di sini, ialah masalah MARA menghadapi orang Melayu di dalam masalah pinjam-meminjam.

Saya pernah dengar bahawa Yang Berhormat Menteri dan lain-lain pegawai yang berkenaan apabila disentuh pinjam-meminjam daripada MARA ini selalulah memberi kenyataan bahawa MARA memanglah mempunyai kemahuan yang benar-benar menolong bumiputra dan kita sudah banyak meluluskan permohonan, dan dari satu hari ke satu hari kita baca dalam suratkhbar pegawai-pegawainya melaporkan sekian ribu, sekian juta sudah diberikan kepada bumiputra.

Dan seringkali juga kita dengar 9 hari, 10 hari, satu bulan boleh beri, tetapi yang lebih daripada dua bulan, tiga bulan sememang tidak disebutkan, fasal disebutkan 9 hari, 10 hari, 12 hari. Maksud saya, saya tidak menafikan adanya pemberian atau kelulusan yang dapat dibuat dalam tempoh 9 hari, 10 hari ataupun 15 hari. Tetapi keistimewaan yang seperti ini tidak didapati oleh ahli-ahli perniagaan yang benar-benar terkandas modalnya di dalam perniagaan dan orang yang benar-benar ataupun patut mendapat pertimbangan daripada MARA. Orang-orang yang biasa mendapat pertimbangan 9 hari, 10 hari atau 15 hari, ialah orang-orang yang seperti saya katakan semalam, mempunyai sedikit sebanyak berhubung dengan pegawai-pegawai MARA atau pun orang-orang yang saya khusus, yang saya boleh katakan yang ada gelaran sedikit di hadapannya seperti Datuk, Tan Sri, atau Yang Berhormat.

Saya nampak orang-orang inilah mendapatutamakan. Tetapi kalau kita kata Pak Mat, Pak Lah atau orang-orang yang duduk di kawasan pendalaman, mereka ini berkehendakkan pinjaman daripada MARA kira-kira \$5,000 atau \$10,000, saya rasa amat sukar hendak dapat melihat betul-betul orang ini dapat diberi pertimbangan, tidak usah kata 9 hari kalau sebulan pun satu kesyukuran yang besar, ataupun satu penghormatan yang besar yang saya dapat beri kepada MARA. Apabila ditanya kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, kenapa kepada mereka yang seperti ini tidak dapat diberi pertimbangan seperti yang pernah diberi kepada orang-orang yang saya sebutkan tadi. Maka seringkali saya dapat jawapan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan iaitu apa yang hendak digaduhkan sangat, 10 hari dengan 15 hari pun sama juga, ataupun 15 hari dengan sebulanpun sama juga, apa salahnya kita lewat sehari dua. Betul, kepada kita yang hendak meluluskan ini kita rasa tidak begitu banyak berbeza samada 10 hari ataupun 20 hari, tetapi kalau kita bandingkan kepada seorang pegawai Kerajaan, katakanlah gaji yang di terima tiap-tiap bulan pada 30 haribulan, tiap-tiap 30 haribulan sepatutnya dia berhak menerima gaji, dilewatkan satu hari sahaja pembayaran gaji, biasanya di dalam pejabat itu riuh-rendah dan tidak menjalankan kerja pada hari itu, masing-masing mempunyai perasaan frust ataupun caci, maki, hamun kepada Kerajaan kita akan dengar daripada pejabat itu, kalau lewat sehari sahaja pembayaran gaji, tetapi orang-orang yang seperti ini mengatakan tidak apalah kalau lewat 10 hari pun, kita hendak luluskan juga permohonannya. Inilah sikap atau jawapan-jawapan yang saya pernah dengar samada pegawai di peringkat Daerah, peringkat Negeri ataupun di peringkat Pusat.

Saya pernah bercakap atas perkara yang seperti ini, kerana kepada saya MARA adalah tempat yang boleh dikatakan sebulan sekali saya datang menemui pegawai-pegawai yang berkenaan samada peringkat Daerah, Negeri atau Pusat membawa orang-orang yang melahirkan rasa tidak puas hati, kerana begitu lambat diberi kelulusan, tetapi bila kita pergi kepada pegawai itu membawa orang ini dan cakapkan dia begini-begini maksudnya, maka perkara yang berlaku sebulan itu dia dapat beri dalam tempoh 20 hari. Ini menunjukkan bahawa sesuatu amalan yang ada kepada setengah-setengah pegawai MARA

sekarang ini mustahak, kalau adanya seorang lain yang mesti pergi tekan dia supaya memberikan kelulusan di dalam tempoh yang awal, baharulah hamba Allah yang daif di dalam perniagaan yang ada di kawasan pendalaman itu mendapat hak, tetapi kepada mereka yang berada di Ibukota, di Kuala Lumpur barangkali kerana terlampau hampir dengan pegawai-pegawai tinggi ataupun ada sedikit-sebanyak hubungan kait-mengkait orang yang hendak menjalankan perniagaan dengan setengah-setengah pegawai MARA, saya percaya orang ini mendapat layanan yang baik.

Perkara yang keempat, saya suka sentuh pentadbiran MARA, iaitu mengenai dengan kedudukan pegawai-pegawainya. Seperti yang telah saya katakan semalam, bukannya semua pegawai-pegawai MARA ini tidak bagus, saya kata hanya ada sebilangan yang kecil sahaja dan apa yang pernah saya lihat dalam MARA sekarang ini, seperti yang kita tahu bahawa MARA adalah mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sekarang ini. Dan MARA adalah merupakan tempat tumpuan bagi bumiputra hendak mendapatkan pandangan, fikiran, nasihat dan pertolongan untuk kemajuan di dalam perniagaan. Kedudukan pegawai-pegawainya, peruntukan daripada Kerajaan untuk mengadakan pegawai-pegawainya amatlah menyedihkan sekali. Kalau kita pergi ke peringkat Daerah, diadakan satu orang sahaja Pegawai MARA, dialah pegawai, dialah kerani, dialah peon. Ertinya, apabila seorang pegawai itu meninggalkan pejabat, kerana hendak pergi mesyuarat, maka kalau ada orang datang hendak menemuinya tidak adalah yang dapat ditemui. Kalau pegawai itu menjalankan penyiasatan, maka tidaklah ada orang yang dapat ditemui bila orang itu pergi ke pejabat, seolah-olah kadang-kadang kita dapat melihat Pejabat MARA itu boleh jadi tutup satu minggu, kalau pegawai itu keluar tiap-tiap hari. Pegawai ini terpaksa keluar bergantung kepada permohonan yang begitu banyak datang kepadanya.

Saya pernah membayangkan perkara-perkara yang semacam ini kepada pegawai-pegawai tinggi di Ibu Pejabat, maka katanya kita akan tambah, tetapi saya tidak faham masalah kita akan tambah ini, bila? Saya ingat sejak daripada mula saya mengenali MARA sampailah kepada hari ini, kesah meletakkan seorang pegawai di daerah ini terus-menerus berjalan sampailah kepada hari ini.

Ini adalah suatu perkara yang tidak patut di amalkan oleh Kerajaan. Saya tidak salahkan MARA, sebab MARA terpaksa meletakkan pegawai-pegawainya mengikut kemampuan atau mengikut banyak anggota yang diberi oleh Kerajaan. Kerajaan patut memikirkan sekurang-kurangnya berilah kepada seorang pegawai yang ada di tiap-tiap Daerah seorang kerani supaya orang ramai yang pergi hendak mencari Pegawai MARA tidaklah mereka itu bertanya kepada meja dan kerusi yang tidak dapat menjawab. Bolehkah mereka yang bertanya kepada orang yang duduk sama-sama dalam pejabat itu, ke mana pergi Pegawai ini, bila dia akan balik, bila hari boleh saya berjumpa. Ini mereka pergi, tengok meja dan kerusi ada, hendak tanya, tentulah tidak jawab; balik, esok datang, tengok meja dan kerusi lagi. Mereka tidak dapat memberi tarikh bila dia ada di situ. Kalau saya senanglah, saya hendak tahu Pegawai MARA ada atau tidak, saya akan talipon, talipon free, hari ini talipon tidak ada, esok talipon, lusa talipon, tetapi kepada orang-orang yang ahli perniagaan yang tidak dapat dihubungi dengan talipon, ini adalah. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat diminta menjimatkan masa, jangan diulang-alik hujjah-hujjah yang sama, merugikan masa sahaja.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Diminta biarlah tepat sedikit teguran itu.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Perkara yang kelima, yang saya hendak sebutkan di sini ialah masalah antara MARA dengan PERNAS yang saya sebutkan tadi yang saya nampak Menteri pun berkehendakkan kepada contoh. Contoh yang lebih dekat yang saya dapat beri, yang saya katakan, setengah-setengah orang merasa samar-samar MARA yang bertanggungjawab perkara ini atau PERNAS yang bertanggungjawab perkara ini.

Saya katakan macam sekarang Perdana Menteri telah mengatakan bahawa untuk membolehkan rakyat di luar bandar mendapat barang-barang keperluan harian dengan harga yang murah maka Kerajaan telah membuat satu peraturan. Kerajaan akan mendapatkan barang-barang atau bekalan barang-barang ini daripada kilang, daripada mana-mana

factory, kemudian Kerajaan akan meminta PERNAS menghantar kepada pekedai-pekedai runcit yang ada di kampung-kampung.

Pada masa dahulu, saya dengar di Kuala Lumpur sudah dibuat suatu percubaan bahawa MARA akan bertindak sebagai pembahagi kepada pekedai-pekedai runcit tetapi sekarang ini saya dengar PERNAS pula hendak mengambil bahagian di tempat itu. Apakah kedua-dua ini mempunyai suatu matlamat kerana hendak menunjukkan bahawa MARA tidak boleh buat atau PERNAS yang boleh buat atau kerana keadaan-keadaan itu sebenar berlaku demikian bahawa MARA tidak dapat buat maka terpaksa PERNAS mengambil alih.

Dan satu lagi ialah masalah yang telah ditimbulkan berkaitan dengan bekalan kain yang diminta oleh peniaga-peniaga bumiputra di Pantai Timur yang membuat kain batik. Bekalan kain putih ialah dibekalkan oleh MARA tetapi cara perbekalan ini, kata ahli-ahli perniagaan yang ada di Pantai Timur, tidak diberi oleh pihak pembekal yang ada dalam MARA kepada mereka mengikut perjanjian yang asal. Apabila dirojokkan kepada Ibu pejabat di Kuala Lumpur maka adalah tanda-tanda yang menunjukkan sedikit sebanyak kejadian curang yang telah berlaku dan inilah yang melibatkan peniaga-peniaga bumiputra yang melibatkan diri dalam perkara kain batik ini, kadang-kadang terkandas di dalam perniagaan. Oleh sebab itu saya terpaksa menerangkan di dalam Dewan ini daripada mula saya bercakap semalam sehingga kepada saat ini beberapa masalah yang saya sebutkan ini bukanlah bererti saya mengecilkan kerja-kerja yang dijalankan oleh MARA selama ini. Saya memang memberi penghormatan yang lebih kepada pegawai-pegawai MARA sama ada peringkat daerah, negeri ataupun pusat. Cuma apa yang saya kehendaki biarlah perjalanan sekarang ini akan bertambah baik dan Kerajaan sendiri hendaklah memberi perhatian yang lebih dan hendaklah memberi peruntukan yang lebih kepada MARA seperti pegawai-pegawai dan lain-lain supaya hasrat dan ucapan yang pernah kita beri kepada orang ramai kalau hendak maju dalam perniagaan datanglah berjumpa dengan pegawai MARA, kalau hendak meminta pertolongan datang menemui pegawai-pegawai MARA supaya rakyat yang mendengar ucapan Menteri menerusi radio dan talivisyen ataupun dapat membaca

ucapan Menteri menerusi surat-surat khabar itu dapat mencerminkan bahawa kenyataan yang sebenar ada dihadapan rakyat jika tidak maka akan jadilah masalah-masalah yang merugikan kita pada masa akan datang.

Akhirnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini dengan harapan semoga pada masa akan datang tidaklah timbul lagi masalah kemukakan pula suatu pindaan kerana diwaktu itu difikirkan perlu pula kepada seorang Timbalan Pengerusi kepada Pengerusi, kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan sebelum saya sentuh tentang Bil ini saya hendak sentuh sedikit sebanyak tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Besut.

Beliau telah membangkitkan beberapa masalah kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputra kecil dan saya berharap Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian atau boleh mengambil tindakan yang sewajarnya khasnya saya hendak sentuh tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut iaitu apabila orang ramai pergi ke pejabat MARA di daerahnya mereka bercakap kepada meja dan kerusi dan tidak dapat jawapan, bukan sehari, dua hari, tiga hari atau 4 hari. Ini, pada pendapat saya, jika Menteri sedar tentang perkara ini Menteri akan mengambil tindakan, bukan perhatian, tetapi mengambil tindakan yang tegas supaya masalah itu tidak timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, disamping saya berucap dalam bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

MARA telah ditubuhkan untuk menggantikan RIDA oleh sebab RIDA tidak sesuai untuk menolong bumiputra atau Melayu di dalam bidang perniagaan.

*(Dengan izin)* MARA was designed to avoid the mistakes of RIDA. At that time too, Mr Speaker, Sir, I well remember the Tunku, our then Prime Minister, first coined the word "Bumiputra". At that time, too, pious hopes were expressed that MARA would avoid the

mistakes of RIDA and that it would be designed primarily to raise and uplift the standard of living of the Malays. But has it? If one were to listen very carefully to what the Honourable Member for Besut has said, and no doubt other Members in this House will raise, one wants to question whether MARA is not repeating all the mistakes of RIDA.

Let us first examine the structural changes, Mr Speaker, Sir, that are embodied in the Bill before us today. In Clause 2, the post of Deputy Chairman is deleted and the Majlis of MARA now consists of a representative each from the Ministry of National and Rural Development, the Prime Minister's Department, the Treasury, the UDA and two representatives from the private sector or public sector to be appointed by the Minister. I regret to say that the Minister has not taken advantage of this Amendment to widen the composition of the governing body. At the moment it is composed mainly of civil servants and they are not quite the right people to take innovative measures to turn MARA or its subsidiaries into a commercial success. The composition of the Majlis should be widened to include people from the business and commercial world and from our universities in order to provide a less biased and more effective Council. In the past some members of the Majlis of MARA, I am told, had not even bothered to attend the meetings of the Majlis.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka Ahli Yang Berhormat memberi contoh wakil-wakil yang tidak hadir dalam mesyuarat itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Itu diberitahu kepada saya, Tuan Yang di-Pertua. Jika sekiranya Menteri yang berkenaan berkehendakkan, saya akan menerangkannya selepas ini, saya boleh memberitahu kepada beliau.

The next structural change is the Jemaah Penasihat which is the Majlis of MARA plus the Chairman, a representative from the Ministry of Trade and Industry and seven other members. I hope that the Minister when he comes to appoint the seven other members will bear in mind what I have said about representation from our universities and from the business and commercial world.

Mr Speaker, Sir, I now wish to comment on some aspects of the workings of MARA. First I wish to touch on the appointment of all staff including that of the Executive Chairman. All posts must be advertised and the selection must be done by an independent (non-political) selection body. The biggest single scarce resource in MARA is top managerial cadre. MARA, or any other statutory body in Malaysia for that matter, cannot afford to discriminate on any grounds other than ability if it is to meet the challenges of the years ahead. Hence there must be no favouritism or nepotism in the selection of its staff and all its posts must be advertised in the press in this country.

There is a need to review the personnel policy of MARA to ascertain the reasons for the heavy loss or big turnover of MARA staff. An attractive scheme of service must be drawn up in order to attract and retain highly qualified and experienced staff. At the same time, strong measures must be taken to weed out inefficient officials.

Young graduates with the requisite qualification are not likely to make a career in MARA unless there is an attractive scheme of service and so long as there are prospects for promotion in MARA. More non-Malays should be invited to join MARA if suitable Malays are not available.

If care is taken to constitute the Majlis, as I have indicated, and to have a Jemaah Penasihat that will give the right advice to the Minister, then the entire role of MARA should be reviewed in the light of experience gained so far.

Most of the failures of the past of MARA have been attributed to insufficient study of the viability of projects. I wish to propose the establishment of a Watch-dog Committee within MARA to evaluate the feasibility of each projects, its progress and also to report on the effectiveness of the top managerial officers in MARA. The members of this Watch-dog Committee should be directly responsible to the Council of MARA and should comprise of members outside MARA.

Mr Speaker, Sir, the indiscriminate setting-up of factories and other big projects should cease. Batek Malaysia, UBIYU, Kulitkraft, MARA Bus Companies, Syarikat Jengka are all operating at a loss. The Malays and the taxpayers in this country are entitled to ask,

why is there any justification for the existence of some of these factories that are now running at a loss?

Batek Malaysia is an example. Here it has been set up not to demonstrate up-to-date techniques of production (if so why should it be in Kuala Lumpur when the industry is centred in the East Coast) but more to compete with the batek-makers in the East Coast.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada sepucuk surat daripada pekerja-pekerja Syarikat Batik Malaysia dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya akan bacakan sedikit . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Surat itu ada bertandatangan dan ada namanya?

**Dr Tan Chee Khoon:** Ada. Namanya Mahadi bin Norpiah. Ada nama dan ada alamatnya. Usul yang dikemukakan oleh Mahadi bin Norpiah ialah adakah Batik Malaysia yang ada di Dato Kramat, projek MARA itu mendapat keuntungan? Jika untung, adakah mendapat apa-apa faedah kepada pekerja-pekerjanya, walhal ada pekerja-pekerja yang bekerja sampai 5 tahun tetapi gajinya masih sama seperti hari ini juga. Dan jika Syarikat Batik ini rugi, mengapakah setengah daripada pekerja-pekerjanya dinaikkan gaji dan ada pula syarikat ini mengambil pekerja-pekerja baru. Usul yang kedua di dalam surat ini ialah tentang kelinik:

“Mengapakah setengah daripada pekerja-pekerja di Syarikat Batik Malaysia disuruh pergi ke kelinik Dr Ruby Majid, Tingkat Satu, Bangunan MARA, 232 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, Talipon No. 25992, dengan dibiayai oleh Syarikat ini, tetapi sebahagian besar daripada pekerja-pekerja disuruh pergi ke General Hospital, Kuala Lumpur dengan membawa balik surat tuntutan 50 sen iaitu surat daftar mengambil kad.

Diharaplah segala usul-usul ini dapat tuan bantangkan kepada umum dalam Persidangan Parlimen nanti.

Sekian, terima kasih.”

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ada senarai pekerja-pekerja Syarikat Batik Malaysia yang ditandatangani oleh 52 orang pekerja Syarikat tersebut. Kebanyakan pekerja-pekerja ini menerima gaji hari. Gaji yang paling

rendah ialah \$3.50 sehari. Gaji yang paling tinggi untuk pembuat blok ialah \$250.000 sebulan. Seorang Penyelia yang mulai bekerja sejak 20hb Mei, 1968 mendapat gaji \$180.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan MARA pun mengeksploitasi pekerja bumiputra di tanahair kita. Semalam kita mendengar hujjah-hujjah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Muar Utara yang mengatakan pekerja-pekerja di tanahair kita dieksploitasi oleh kaum kapitalis, tetapi MARA yang bertujuan hendak menolong dan meninggikan taraf hidup rakyat dan kaum buruh di tanahair kita juga mengeksploitasi tenaga kaum buruh.

Tuan Yang di-Pertua, it is no secret that Syarikat Jengka, a subsidiary of MARA, is running at a loss. With boom prices prevailing in the timber industry for some time it is unbelievable that Syarikat Jengka Sdn. Bhd. should be in the red. The Bumiputra and the taxpayers of this country are entitled to ask: Why? I want to ask the Minister whether Syarikat Jengka Sdn. Bhd. has unilaterally terminated its agreement with the foreign consortium which undertook to build and to provide management and technical expertise for the timber processing complex in Jengka.

The UBIYU Factory in the East Coast is flooded for about three months in the year. The machinery purchased, I am told, is not suitable for the production of starch.

Mr Speaker, Sir, the list is an endless one but I shall stop here. When my colleagues speak on this Bill they too will have their own list of MARA factories that have not been a financial success.

Mr Speaker, Sir, of late there are stories of loans being given to non-existent firms. Of course, when this happens there must be collusion of people inside MARA working hand-in-glove with those outside MARA. Perhaps one of the first tasks of the newly created Biro Siasatan Negara would be to check on this new form of fraudulent practice. Again, one of my colleagues would touch on this subject when his turn comes to speak.

#### *MARA Loans Programme*

Mr Speaker, Sir, the MARA Loans Programme has been a dismal failure. Instead of increasing the number of loans to small businessmen, large sums have been handed

out on political grounds. Thus questions have been asked in this House itself of large sums, some amounting to about a quarter million or more, that have been loaned to Members of Parliament in order that they may build palatial houses. When asked the Minister has replied with a brazen answer: "Why not and what is wrong with that?"

Mr Speaker, Sir, there is nothing wrong with the big loans to Members of Parliament except that if smaller loans are given, more small businessmen would benefit and that after all is the *raison d'etre* of the establishment of MARA—that is to help the small Bumiputra businessmen. It is the poor Malays who need help the most. The rich Malays, M.Ps. and all, can borrow money from other sources, e.g. Bank Bumiputra, etc. Already the list of Malays who borrowed money from MARA and who have defaulted in their repayment is a long one and amongst them, I am told, is the brother of a Minister, and on his account, I am told, MARA is asked to write off \$120,000.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, bolehkah Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada saya nama orang yang tersebut dan memberitahu bilakah Minister ini mengarahkan MARA supaya "write-off" pembayaran itu?

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya . . . . .  
x x x x x x x x x x

*Expunged from the record at the direction of Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua.*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** If you do not know the name just yet, what is the use of making the allegation then? You better withdraw it now.

**Dr Tan Chee Khoon:** I will withdraw that bit about the higher-up.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Strike it off from the Hansard. All right, go on now.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, MARA should concentrate on training and in this connection, I wish to congratulate the M.I.T., or the Mara Institute of Technology, on the excellent work it is doing. In the words of the Deputy Prime Minister, MARA has a

sacred mission to carry out and it is undertaking this task with great success.

The M.I.T., or I.T.M., shows what a dedicated Malay can do for the Bumiputras and this afternoon, I wish to congratulate Dr Arshad bin Ayub on the excellent work he is doing for M.I.T. His sterling work for the M.I.T. and the nation has been recognised by the Ohio University which has recently conferred on him the Honorary LL. D. Malaysia can be justifiably proud of Dr Arshad bin Ayub, but literally he is a prophet without honour in his own country.

Mr Speaker, Sir, I shall now read a letter which has been sent to me by a bumiputra and it shows the frustration undergone by some bumiputras in this country who wished to make good in the field of business.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Is this letter signed?

**Dr Tan Chee Khoon:** This letter is signed, I shall read out his name later. It is signed by Haji Baharuzaman bin Ali.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Address?

**Dr Tan Chee Khoon:** The address is given here as 132, Kawasan Melayu, Ampang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Has the Honourable Member made a check that this person exists?

**Dr Tan Chee Khoon:** Yes, I have written to him.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Seen him or written to him?

**Dr Tan Chee Khoon:** As you will see here, he says he has seen me.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya samada surat yang hendak dibacakan ada kena-mengena dengan MARA atau tidak?

**Dr Tan Chee Khoon:** Ya, ada kena-mengena.

**Tuan Abdul Ghafat bin Baba:** Saya harap Ahli Yang Berhormat bercakap benar supaya dalam surat yang dibacakan benar ada menyebutkan soal MARA.

**Dr Tan Chee Khoon:** Ya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau tidak bersangkutan, saya boleh tahan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, it is written . . . . .

x x x x x x x x x x

*(The letter was read out but expunged from the records at the direction of Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua).*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** There is no mention of MARA.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, the connection with MARA is there although it has not mentioned . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** No, you mislead the Chair just now. Delete that from the record. The Honourable Member should not mislead the Chair by saying that the letter has connection with MARA. It has nothing to do with MARA.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, it has connections with MARA in that it is . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Please resume your sit. Do not speak any more!

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966 yang mana didapati satu pindaan yang saya fikir sesuai dan menasabah, iaitu Pengerusinya dan juga Ketua Pengarah MARA ini adalah orang itu juga. Ini akan beri peluang kepada Pengerusi dan Ketua Pengarah menjalankan tugasnya dengan sepenuh tanggungjawab dan sepenuh minat dan saya percaya dengan adanya perubahan ini MARA akan lebih-lebih lagi dapat memajukan tugasnya berkenaan dengan memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu dan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Syarikat Perniagaan dan Pengangkutan Seberang Prai, saya sebagai Bendaharinya mengambil peluang mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada MARA yang telah memberi peluang kepada kita mengambil alih perkhidmatan bas dalam kawasan saya dan berjalan dengan memuaskan dan memberi keuntungan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendatangkan sedikit teguran kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pindaan ini iaitu seksyen 4 (3)—Majlis maknanya sebuah Majlis yang mengandungi beberapa orang ahli yang akan menguruskan dan menjalankan atau melaksanakan dasar MARA. Disebutkan di sini iaitu:

- “4 (3) (a) seorang Pengerusi;  
 (b) seorang wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;  
 (c) seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri;  
 (d) seorang wakil dari Perben-daharaan;  
 (e) seorang wakil dari Perbadanan Pembangunan Bandar; dan  
 (f) dua orang wakil yang akan dilantik oleh Menteri daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman berkaitan dengan tujuan-tujuan Majlis”.

Saya dapati Jemaah Penasihat dalam Seksyen 5. 6A iaitu:

- “5. 6A (2)  
 (c) seorang wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;  
 (d) seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri;  
 (e) x x x x x x x x x x x  
 (f) seorang wakil dari Perbadanan Pembangunan Bandar”.

Jadi Jemaah atau Majlis ini mengandungi tiga orang yang disebut wakil dari Kementerian itu dan pihak Jemaah Penasihat pun tiga orang daripada Kementerian yang berkaitan.

Pada pendapat saya tidaklah lojik bagi orang yang hendak menasihatkan itu duduk di dalam Majlis yang akan melaksanakan dasar. Patut diberi peluang kepada orang lain untuk jadi Jemaah Penasihat ini kepada lain daripada wakil-wakil Kementerian yang saya sebutkan di atas itu. Saya berharap dengan cara yang semacam ini dapatlah Majlis ini menjalankan atau melaksanakan tugas-tugasnya dengan lebih sempurna lagi kerana Majlis ini akan mendapat nasihat daripada sebuah badan yang bebas dan mengkaji segala nasihat itu dan dengan ini saya percaya dapat diuruskan dengan baik lagi.

JADUAL 1A (Seksyen 6A) menyebutkan:

“1. (1) Orang-orang yang berikut adalah tidak berkelayakan bagi dilantik sebagai ahli atau bagi menjadi ahli-ahli Jemaah—

- (a) orang bankrap;  
 (b) orang yang telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman tempoh tidak kurang daripada satu tahun;  
 (c) orang yang tidak sempurna akal atau, kerana lain sebab, menyempurnakan kewajipan-kewajibannya.

Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memikirkan menambah satu perkara lagi iaitu:

“(d) orang yang ada kepentingan diri dalam MARA.”

Dalam bahasa Inggeris dikatakan “pecuniary interest” dalam MARA dia juga menjadi ahli Majlis atau ahli Penasihat tentulah akan bertelagah dan akan rosak perjalanan MARA pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyen-tuh sedikit di atas dasar MARA yang mana saya dapati satu rancangan atau satu skim baru jikalau belum dilaksanakan lagi atau belum diadakan patut diadakan. Jikalau kita lihat sebagaimana yang saya telah nyatakan daripada Kuala Lumpur kalau kita pergi ke Butterworth dan daripada Kuala Lumpur pergi ke Johor Bahru sangat susah hendak mendapatkan bengkel-bengkel yang dipunyai oleh bumiputra untuk hendak memperbaiki kereta ataupun hendak tampung tiup test tayar ataupun hendak beli tayar celup dan lain-lain. Jadi saya berharap pihak MARA akan mengadakan beberapa bengkel-bengkel di tiap-tiap ibu kota supaya diadakan satu kompleks MARA yang boleh perbaiki kereta, menukar tayar, tampung tiup tayar, mengecat motorkar dan lain-lain. Ini adalah satu perkhidmatan, iaitu perniagaan khidmat dengan cara mendapat latihan sedikit se-banyak dari segi teknik dan bolehlah MARA mendaftarkan nama orang-orang yang telah dapat latihan daripada ITM, daripada sekolah vokesyenal, daripada sekolah teknikal menengah. Penuntut-penuntut ini bolehlah di-daftarkan dan mengikut kebolehan mereka itu dipusatkan di bengkel-bengkel yang saya harap MARA akan menganjurkannya.

Dengan ini dapatlah lama-kelamaan bengkel itu diambil alih oleh syarikat bumiputra sendiri dan mereka akan menguruskan bengkel-bengkel ini. Ini satu cara yang saya percaya dapat memberi peluang banyak kepada pemuda kita dan bukan sahaja dapat pemuda-pemuda kita atau bumiputra sendiri yang berkebolehan menguruskan perkara memperbaiki kereta dan lain-lain bahkan dengan adanya satu bengkel bumiputra di tempat mana-mana diadakan satu pertandingan. Dengan adanya pertandingan maka kita selamatkan banyak bumiputra yang kena tipu muslihat daripada orang yang memonopolikan pengurusan perniagaan yang semacam ini. Saya berharap pihak MARA akan mengkaji pendapat-pendapat saya dan kalau boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Yang keduanya, saya berharap kita adakan juga latihan-latihan yang diberi oleh ITM, vokesyenal dan sekolah menengah teknik berkenaan dengan alat letrik dan perbaiki alat-alat letrik. Ini adalah satu punca pendapatan dengan secara berkhidmat untuk dapat bayaran daripada perkhidmatan itu. Saya harap MARA akan adakan juga kompleks di tempat-tempat yang saya sebutkan, iaitu di pekan-pekan atau di bandar-bandar besar bagi memperbaiki alat-alat letrik, menjualkan alat pengganti letrik, buat wiring rumah misalnya dan juga lain-lain berkaitan dengan letrik. Ini satu perusahaan yang saya percaya akan mendatangkan keuntungan dan faedah yang besar kepada orang-orang yang berminat dalam hal ini dan mereka akhirnya akan mendapat berdiri di atas kaki mereka sendiri dan lama-kelamaan dapatlah ditubuhkan syarikat yang saya katakan, serahkan balik kepada syarikat yang berkenaan supaya mereka dapat mengendalikan syarikat-syarikat yang saya sebutkan itu.

Lagi satu perkara saya harap dapat perhatian ialah berkenaan dengan perusahaan dobi. Ini dapatlah MARA membuat tinjauan iaitu urusan berkenaan dengan mengadakan dhobi yang moden, membeli jentera-jentera daripada negeri Jepun atau daripada Hongkong ataupun daripada mana-mana pusat di Kuala Lumpur misalnya di bandar-bandar yang besar diadakan perusahaan dobi dan dapatlah dijalankan dengan mendapatkan konterek dobi kain baju tentera misalnya ataupun rumah sakit dan lain-lain. Ini satu perusahaan yang saya percaya akan mendapat keuntungan yang besar dengan cara memberi khidmat.

Yang keempat ialah berkenaan dengan tukang jahit. Dahulu saya dengar ada juga rancangan MARA hendak mengadakan kursus latihan tukang jahit diberi peluang kepada pemuda-pemuda kita untuk jadi tukang jahit dengan tujuan hendak menghantar pemuda-pemuda kita pergi ke England supaya dapat diajar oleh "Master Cutter". Jadi saya percaya tidak payahlah bawa dari England, kita bawa "Master Cutter" daripada Indonesia atau daripada Hongkong atau mana-mana datang ke mari supaya melatih pemuda-pemuda kita supaya dapat mereka jadi tukang jahit dan berdiri di atas kaki mereka sendiri. Ini satu cara yang akan menjadi pertandingan dengan pihak-pihak yang telahpun lama ada di dalam negara ini.

Jadi, saya harap pihak MARA akan mengkaji perkara-perkara yang pemuda-pemuda kita dapat latihan sedikit sebanyak dan menjualkan khidmat mereka itu dengan cara mendapatkan pelajaran teknik sedikit sebanyak dan dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri.

Selain daripada itu saya berharap masukkan dalam rancangan berkenaan dengan latihan pemuda-pemuda kita dari segi memasang cermin mata. Ini pun tidak ada orang Melayu lagi dalam jurusan ini iaitu tukang gigi, kedai foto dan perabot-perabot rumah. Itu satu perniagaan yang mustahak dan saya harap MARA boleh mengutamakan dan mengusahakan ke arah ini, mudah-mudahan dapat banyak lagi pemuda-pemuda kita yang berminat ingin hendak masuk dalam lapangan ini supaya mereka dapat peluang untuk kehidupan mereka pada masa akan datang. Terima kasih.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Bataang Lupar):** (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, the setting up of an Advisory Board or Jemaah Penasihat for a large body like MARA is very timely. I am sure with the setting up of this Board MARA can be made to function more effectively and profitably for the natives in Sarawak. I also hope that, with the passing of this Bill, at least one member of the new Board will be appointed from Sarawak. A person who knows the problems of our State will, therefore, be able to contribute effectively to the functions of the Board.

Mr Speaker, Sir, I take this opportunity to give thanks to those responsible to run MARA in setting up a branch of the MARA College at Kuching. I hope more courses like Forestry,

Marine Fisheries and other branches of the agricultural science will be available at this Kuching Branch, so that not only will this Branch College serve the rural students in Sarawak, but other students from other parts of Malaysia can come over to learn over local problems in Sarawak and when they have completed their respective courses, they then will be able to contribute in solving our many problems there.

Sir, I wish also to observe here that it is no use to set up colleges and provide courses of training for our young people unless follow-up assistance, incentive and training are given to our MARA graduates. Those who have passed Business Management or Business Administration should be provided with loan assistance to set up small businesses. Those who have passed their courses in Marine Fisheries should be encouraged and helped in setting up business in the fishing industry.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, I have got a message saying your speech is not too clear. Please speak a bit more clearly.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Yes, Sir. And others also must be given the incentive, help or assistance according to the courses they had taken, completed and passed, so that the knowledge they had gained will not go to waste.

Another point that I wish the new Board to take note of is that MARA must find good markets for our illiterate fishermen and farmers, especially those who had been assisted by MARA. There is no point in catching more fish if you cannot find a ready market for this increased catch. There is also no point in planting or growing or producing more in the agricultural sector if there is no way to sell this increased production. The aims to uplift the standards of our rural people will be defeated and the purpose of the assistance given by MARA will then come to nothing.

Another point, Sir, that I want to raise up here for the new Board to ponder up is this. In Sarawak many of our illiterate poor rural people are still confused regarding what MARA is doing for them. I hope MARA will recruit more trained people to be Field Officers to travel from village to village and from longhouse to longhouse in Sarawak to

give a better and clearer picture of what MARA is doing for them. Radio Malaysia Sarawak could help by giving one hour every week or every two weeks where MARA officers can give talks in all the local languages, to explain the objectives of MARA in Sarawak. This will prevent misunderstanding and create better co-operation for the benefit of the people as a whole.

Mr Speaker, Sir, MARA is a worthwhile body to help to restructure our society. I can see the limitless scope, for its proper use and functions can improve the lot of our rural people and thereby bridge the gaps between the urban "haves" and the rural "have-nots" in this country. For example, MARA in Sarawak can assist in distributing rice supplies to the rural people direct from the Government stockpile or from the Lembaga Padi dan Beras Negara. This will lessen the number of middlemen, cut down on the middlemen's profit, and therefore reduce the price of rice in the rural areas, because at the moment due to the bad harvest in Sarawak the price of rice from China is about \$3.60 to \$3.80 per gantang in Kuching compared \$4 to \$4.20 per gantang in the rural areas.

Direct MARA participation or participation by those with MARA assistance in setting up small businesses in Sarawak rural areas, in village or longhouse levels, will reduce the present high cost of essential commodities in Sarawak.

I hope the Board will take these points into serious consideration when they first meet and give their considered advice to the various MARA bodies in this country, with the people's circumstances in their mind and the nation's welfare at heart.

Sir, I need not go into great detail of the various aspects that can be done by MARA. It is enough for me to say that there is great scope for improvement if MARA goes all out to help the bumiputras of this country to improve themselves. In most cases, like loans, there are numerous elements of risks in the absence of proper loan guarantees, especially from the natives, but I feel that these risks are worth taking with proper local management by people who know the area locally and who know the people themselves.

Finally, I venture to suggest to the newly set-up Jemaah Penasihat of MARA, that MARA should set up a Central MARA

Bank which can then set up State-wide Branches in all the States in Malaysia and these Branches should in turn set up Sub-branches in the rural districts to cater for the needs of the local people. If we must tackle our problems, we cannot afford half-measures, we must go to the full length to produce results by MARA in this country. Only then can we succeed and succeed well.

**Tuan V. Veerappen: (Seberang Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian atas perbincangan Rang Undang-undang ini dan minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I welcome this Bill because it shows Government's realisation that all is not well in the administration of MARA, and it is taking steps to improve the administration. The fact that even the quorum is to be reduced and that the members who fail to attend three consecutive meetings of *Jemaah* without permission in writing of the Minister shall be deemed to have vacated their seat, shows that some of the persons who have been appointed to the MARA Board have either not shown interest or maybe they are too busy attending many, many meetings because most of them have been officials and officials have been over-worked. I know personally because they have got to rush from meeting to meeting.

By Clause 6 of the Bill the duties of the Chairman is now being clearly set out. All this goes to show that there have been serious flaws in the administration of MARA. I do not, for one moment, want to blame the Minister personally, although he is responsible to this House. But, frankly, as I looked at the MARA Act of 1966, I found that there was very little control which the Minister could exercise—just like the statutory bodies which we have, like the local authorities whose finances have gone haywire because the State Governments and others cannot exercise control once these bodies are set up.

Apart from the fact that he merely appoints the members, apart from the fact that its annual estimates have to be submitted to the Minister concerned for his approval, I do not see any other powers for him to control the administration of MARA. Therefore, I do not blame him so much, but anyway, he is responsible to the House and he has to carry the baby. I hope he would have the support of his colleagues in the Government to try and set

the MARA house in order because MARA has gone into so many ventures. It is a big concern and it is an essential organisation for our country.

In fact, Mr Speaker, Sir, MARA handles so much money that where matters of money are concerned, the MARA administration is very weak and inefficient and has taken on a "tidak apa" attitude. I will give examples: I hope the Minister is not in a hurry.

MARA, for example, set up KIMA, a textile factory, jointly with the Textile Corporation of Malaysia Berhad. The object of setting up the factory was to produce white cloth for the batik makers in the East Coast. But KIMA sells the cloth to another body, Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputra Berhad (PPBB) which is a MARA subsidiary also. KIMA sells it to this body at \$1.20 per yard, I am told, which sells to the batik makers at \$1.40 per yard, thereby making a profit of twenty cents per yard. The cost of production, I am told, Mr Speaker, Sir, is only about seventy cents per yard. Why then does it sell its cloth to the batik makers at \$1.40 per yard? I think this is clear exploitation. Furthermore, I understand that this Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputra Berhad sells the same cloth to others in the open market at \$1.12 per yard which is much less than \$1.40 which our batik makers have to pay. Is this the way we want to help Bumiputras? There must be something wrong. In spite of this, I am told that this body, PPBB, is losing money. Why should this be so? Is there, may I ask, collusion on the part of officers to swindle MARA? One cannot but conclude from the examples which I shall further give that there is a conspiracy to swindle MARA. It seems that this body, PPBB, sold \$3,000 worth of cloth to a so-called Syarikat National Suppliers in Taiping. But when payment was demanded, there was no such syarikat to make payment. Then five customers of this body were given large credits but these customers have disappeared. A certain Encik Kadir Hitam—I hope not the brother of Musa Hitam or Yaakub Hitam—was given a loan of \$120,000 by MARA to go into the furniture business. The business was never started and the money has been written off. Now we have examples. If it is not true, the Minister will deny it.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** It is not true.

**Tuan V. Veerappen:** Perhaps, this may be true: a certain company was given a loan of \$2 million on the recommendation of an officer by the name of Isa bin Mat. But the company never existed and the said Isa bin Mat was always to be found in Genting Highlands. That is also not true? As such, MARA has not been business like and has shown that it is incapable of handling money. I therefore would like to ask the Minister to study the workings of MARA more closely and take steps to prevent the abuse and loss of public funds.

Mr Speaker, Sir, I am told that, several millions of dollars of loans have been given and usually, though not always, these loans are secured. MARA takes security. I know definitely that even a person who wants to borrow \$1,000 from MARA must produce security—title deeds and so forth. But why has no action been taken to foreclose, to realise these securities, to sell these securities to realise the money?

Mr Speaker, Sir, it has already been stated, the high hopes with which MARA was set up to help the poor Malays in business and other ventures. In fact, the duty that was charged on MARA was that "It should be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate, and undertake economic and social development in the Federation and more particularly in the rural areas thereof." That is the object as set out in the MARA Act. But, as we can see, and as the examples show, the small businessmen, the small traders, who try to get small loans to start their business are not encouraged. In fact, Mr Speaker, Sir, there had been occasions when funds for the small loans which are \$500 and less always get exhausted and they are asked to apply for bigger loans. Now, this is not the way to help. If a person wants \$500, you try and give him the \$500. Normally you try and give him less so that if he shows promise, you give him more. Instead, the man was told that he could not get a loan of \$500, but he could get a loan of \$1,000. So he was very happy indeed. So he gets somebody to give him security. Of course, if he asks me, I dare not give him security. But he gets somebody to give him security and what happens, Mr Speaker, Sir? Because he was given extra, the very first

thing he did was to get his son married and have a *kenduri* because he has surplus. This is a true fact.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Bolehkah beliau beri satu contoh supaya saya boleh jawab?

**Tuan V. Veerappen:** This is true fact. I can give him the name. I think I have got the name: Mat Zain, Batu 3, Jalan Sempadan, Nibong Tebal.

Secondly, Mr Speaker, Sir, there is a perpetual complaint by taxi operators of the difficulty of getting MARA loans for the purchase of taxis. They rightly resent the fact that big businessmen and politicians have been obtaining licences for a large number of taxis. The Honourable Minister of Communications is here. He once told this House, "Yes, there are people with 30-40 taxis. What can we do? The licences were issued long ago." He is right here now. But there is proof, there is evidence, that not so long ago licences had been issued also for defeated politicians and so forth. Anyway we are not debating the Ministry of Communications but MARA. (*Ketawa*)

Mr Speaker, Sir, while these people have been given a large number of taxi licences the persons who drive these taxis are denied a licence. They have to slog and earn for the taxi owners from whom they hire the taxi. The taxi owners get the lion's share from their daily rentals of \$20.00 to \$30.00 per-shift and sometimes in the day there are three shifts. So you can see, Mr Speaker, Sir, who gets the lion's share. The taxi driver must earn that amount and even pay for the repair bills. These difficulties faced by the taxi drivers are due to the ding-dong battle that the Member for Besut mentioned—the ding-dong battle that goes on between MARA and the R.I.M.V. The R.I.M.V. wants proof that the driver-applicant has the means to purchase the taxi. On the other hand, MARA wants proof that the taxi driver has got a licence before it can grant the loan. So, the question is, what is he going to get first? Does he get the licence first and then get the loan, or get the loan first and then get the licence? I am sure, MARA with the two Ministers there, can easily find a solution and also find the means of assisting the actual drivers of taxis to own the taxis and earn a living.

Mr Speaker, Sir, secondly I would like to mention about the accounts of MARA, but this perhaps is one of the causes of the laxity. The accounts of MARA are not audited by the Auditor-General. I have gone through the Federal Reports from 1967 till now and usually the Auditor-General sets out a list of the Federal bodies like FAMA, FIMA, KIMA and all that and he sets out the list where he says that these are the Federal public authority accounts that he has audited. He has a long list. He would say: he had audited these; these are still under process of audit and these have not been received, but the MARA accounts are not in the list. I do not know why. I understand that at one time the Auditor-General audited these accounts but they have been taken out and given to a private firm for audit.

Mr Speaker Sir, perhaps it is right. It is one of the ways of helping bumiputras. I agree, we should do that—it doesn't matter, but I think when MARA handles so much money, I think it is only right that this House also should know, and the Auditor-General of our country should have access to the accounts so that his comments will be available to this House and Mr Speaker, Sir, the last ever report that this House has received—perhaps I might have got it and I might have misplaced it, but in our Parliament Library, the last annual report of MARA is for 1966. This doesn't speak of efficiency. Today is 1973. Surely MARA is not that slow? Seven years to produce a report!

Mr Speaker, Sir, you can see the number of pages. It is very beautiful, art paper and colourful, no doubt. It says here "Berapa keluaran pinjaman, berapa pinjaman balik." That is for 1962. Therefore if you had an up-to-date report, then I would not be making these comments—then we will know. In fact, in 1966, the amount lent out was \$2 million and the amount collected back was \$4 million and the report says this was the highest for any year. Well, that is very good if that was the highest. I hope it goes on increasing because the number of loans given are also increasing.

Mr Speaker, Sir, coming back to the Bill as I was speaking on just now, the Minister also has very little control and from the amendment, the Majlis will have only one representative from the Ministry of National and Rural Development, and there is no

provision for an alternative. Perhaps there is a silent understanding, I do not know, but what authority will you have if your law says that you can only have one representative and if that representative has gone overseas for some course or some tour or something, or if he is sick, as all human beings must be sick some day or other, what happens to your representative? Then how can the Minister know what is happening in MARA? So, how can the Minister accept the fact that the Majlis shall have only one representative from the Ministry of National and Rural Development? I don't say his representative is very important, but I say that if the Minister is answerable to this House, then he must have his eyes and ears in that place to see that everything goes on well. Therefore, there should be more representatives and perhaps I hope he can even amend it to have at least two representatives or a representative and an alternative or somebody else from his Ministry.

Sir, I hope also that the Minister will ensure that his role is not just small and insignificant. He must have a greater say and, as I said just now, greater representation to ensure that he has his fingers on the pulse of MARA's administration.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas Rang Undang-undang ini dan ingin memberi sedikit pandangan terhadap MARA.

Selepas 400 tahun dijajah oleh penjajah maka orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain telah ditekan oleh penjajah supaya bangsa Melayu menjadi bodoh, menjadi hamba, dan apabila kita mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos, 1957 maka orang Melayu baharulah sedar yang mereka adalah tercicir, tinggal di belakang di dalam iktisad sungguhpun orang Melayu berseronok dengan politiknya. Dengan sebab itu, timbullah dalam Kongres Ekonomi bumiputra maka ditukarlah nama RIDA ke MARA. Apa sebabnya kita berkehendakkan MARA ini, oleh kerana kita fikir MARA ini boleh menengok, bekerja bersungguh-sungguh untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu, samada di dalam bandar ataupun di luar bandar. Dengan sebab itu, saya memberi tahniah kepada MARA sungguhpun ada yang kita keji, ada yang kita puji, tetapi saya puji dan ada yang akan saya keji nanti.

Saya puji oleh kerana kalau pada mulanya MARA tidak ada, UDA tidak ada, PERNAS tidak ada. MARA ini telah bekerja dengan kalangan rakyat terutama sekali rakyat yang duduk di kampung-kampung memainkan peranan yang pada mulanya adalah cukup susah oleh kerana orang Melayu tidak berkecimpung di dalam iktisad. Pihak Pembangkang mengatakan tadi mana dia orang Melayu tidak ada orang yang pandai-pandai menjadi Pegawai MARA, begitu-begini. Selepas kita dijajah, berapa kerat sahaja orang Melayu yang dapat masuk ke universiti, boleh dikira dengan jari yang dapat belajar pergi ke England, ke Amerika dan lain-lain tempat, dengan sebab itu kita kekurangan pegawai-pegawai. Mana yang dapat itu kita hantarkan di dalam MARA. Ini barangkali pada masa yang akan datang oleh kerana banyak keluar daripada ITM ini bolehlah anak-anak muda itu menggantikan orang-orang yang ada sekarang. Dengan sebab itu juga, MARA telah memainkan peranan yang besar terhadap bangsanya. Sungguhpun ada kekecewaan dan kecelakaan, tetapi banyak yang baik daripada buruknya. Bukanlah semata-mata saya hendak memuji Menteri itu, tidak. Tetapi MARA telah memainkan peranan yang bertanggungjawab kepada bangsa dan negara. Kalau tidak ada MARA barangkali pada hari ini Institiut Teknologi MARA di Batu 3 tak ada dan tiap-tiap tahun hampir 3,000 penuntut Melayu (Bumiputra) menuntut di sana dan tiap-tiap tahun berapa ribu lepasan daripada kolej itu telah bekerja di firma-firma dan swasta di seluruh pelusuk tanahair kita. MARA bukan sahaja memberi modal wang kepada Bumiputra, tetapi memberi modal fikiran (kepala) supaya bumiputra boleh maju dengan jaya. Memberi modal duit sahaja kadang-kadang dijudikan oleh bumiputra ini. Memberi modal kepada lebih baik sampai mati modal ini takkan habis-habis. Dengan sebab itu, saya adalah menyokong MARA, jika tak ada MARA barangkali susah juga pada hari ini belum lagi kita mencapai kejayaan yang kita nampak pada hari ini.

Sungguhpun begitu, di sini saya ingin mengatakan ada kekurangan MARA, iaitu bagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi, ada kilang-kilang yang gagal, kilang Kulitkraft, kilang ubi kayu. Gagal oleh kerana experience itu belum ada lagi. Memanglah kegagalan itu kita nampak. Berapa banyak pula kalau kita fikirkan begitu, kilang-kilang

bangsa asing baik di negeri ini atau di luar, di Amerika atau Eropah yang lebih besar lagi yang telah gagal. Dengan sebab itu, saya fikir oleh kerana orang kita masih lagi ke belakang dan pihak kilang-kilang itu tak tahu apa mesin yang baik dan yang buruk, barangkali ada orang hendak menjual mesin, dia kata kepada MARA: Mesin inilah yang baik sekali, belilah, oleh kerana hendak mendapat komisyen yang banyak. Maka mesin kilang ubi kentang dikatakan kilang ubi, MARA tak tahu, dibelinya. Sebab itu, MARA telah gagal di dalam rancangan ubi kayunya.

Saya hendak menyatakan di sini iaitu pada masa yang akan datang MARA hendak masuk di dalam perniagaan besar-besaran. Dahulu saya ada bercakap berkenaan dengan ini, saya menengok di luar negeri, jika Bumiputra hendak maju, biarlah bumiputra lain itu menjual kacang putih, ice-cream dan sebagainya. Tetapi MARA sebagai badan yang mempunyai banyak wang kalau tak cukup minta lagi, jangan peduli apa orang kata, minta kepada Kerajaan lebih banyak wang lagi, jangan tolak ansor lagi. Kita sudah jauh ketinggalan di belakang, buatlah secara besar-besaran. Dahulu saya ada mengatakan kepada MARA pekan Kuala Lumpur ini akan di-besarkan lagi, banyak orang hendak menjual tanah dalam Kuala Lumpur—beli tanah-tanah di Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman), Mountbatten Road, Shaw Road, di situ dan di sini. Beli sekali banyak-banyak, dirikan kedai, buat secara besar-besaran. Baharu kita boleh bertanding dengan orang-orang lain. Saya menengok waktu saya di Shanghai (Negeri Cina) dahulu, sungguhpun orang Cina bijak dalam perniagaan, tetapi orang putih boleh hidup di sana. Apa sebab mereka boleh hidup dan maju di sana? Macam John Littles, Robinson, dia jual secara besar-besaran. Semuanya ada di sana, dengan sebab itu siapa sahaja masuk ke kedai itu baik Cina, orang Putih semua masuk ke kedai itu. Kita harap pada masa yang akan datang MARA buat secara besar-besaran betul-betul. Tolong betul-betul bumiputra secara besar-besaran.

Saya tengok macam Limbongan Kapal MARA di Trengganu—ini bukan mencari, saya cuma hendak menengokkan supaya kita maju, bukan saya criticise atau mencari, memberikan kritik semata-mata. Barangkali Menteri berfikir, saya mengkritik, oleh kerana suka hendak mengkritik tetapi dalam hati saya hendak menengok supaya bangsa Melayu

boleh maju. Limbongan Kapal MARA itu dari dahulu kita dengar, tetapi begitu juga selama-lamanya. Saya harap Limbongan Kapal MARA itu diperbesarkan lagi.

Baru-baru ini Limbongan Kapal akan dibuat di Johor, tetapi sayang sedikit MARA tak ada masuk berserta dalam rancangan ini. Sungguhpun Kerajaan ada menanam modal 70%, dan 30% modal Jepun dan Kuok Brothers, saya hairan mengapa MARA tidak masuk di situ. Ini saya hairan sedikit mengapa dalam Limbongan Kapal di Johor itu MARA tak masuk. Ini adalah satu teguran sahaja yang saya pandang penting.

Berkenaan dengan factory kain KIMA di Kajang. Saya tahu pada masa dahulu dibuat Kilang Kain KIMA di Kajang ini iaitu tujuannya dahulu untuk orang Melayu yang ada kilang batik di Kelantan dan Trengganu itu dapat membeli kain putih dengan senang dan murah. Kilang KIMA itu berkongsi dengan Jepun pun tak apalah, oleh kerana orang kita kurang kepandaian, tetapi pasarannya ada di Trengganu dan Kelantan untuk bumiputra di sana dan tak payahlah kita mencari pasaran luar negeri atau dalam negeri, tetapi sudah ada perindustrian bumiputra di Kelantan dan Trengganu untuk membuat batik, pesaka datuk nenek moyang kita dahulu. Tetapi masuk pula orang lain, dan oleh kerana orang lain masuk, sudah menjadi kacau saya fikir. Jadi dibawa-bawa ke tempat lain pula. Akhir-akhirnya di dalam Seminar Ekonomi Bumiputra di Universiti baru-baru ini telah timbul teguran-teguran daripada bumiputra iaitu kain tak dapat, pergi beli daripada India untuk kain putih. Siapa yang dapat kain? Yang dapat ialah kilang Batik di Selayang kononnya. Kalau saya tak betul, tolong tunjukkan. Apa sebabnya Kerajaan pula membenarkan Kilang Batik di Selayang sungguhpun batik itu bukan dengan cap, tetapi batik mesin, tetapi batik mesin ini boleh membunuh batik cap. Jangkanya MARA mesti mempertahankan batik ini tadi, sungguhpun dikatakan batik mesin, tetapi batik mesin itu lebih murah daripada batik cap, dengan sebab itu batik cap akan habis. Itu membunuh diri sendiri—minum soda.

Saya harap MARA mesti mempertahankan perkara ini dan pada masa yang akan datang, kalau betul, jangan satu ela pun, kalau itulah

tujuan MARA, pergi ke kilang di Selayang itu, sebab tujuan kita telah menyeleweng dan bumiputra yang lain akan menyoal kita bersama.

Saya juga hendak menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan pemilihan ahli-ahli ini. Ahli-ahli ini saya nampak, seorang Pengerusi, seorang wakil dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, seorang wakil Jabatan Perdana Menteri, semua wakil-wakil pegawai-pegawai Kerajaan. Memang bagus, ada yang mempunyai kelayakan, ada yang mempunyai universiti degree yang penuh dan sebagainya, tetapi barangkali tidak mempunyai experience orang-orang yang di luar, iaitu mempunyai experience di dalam perkara business, bukan senang. Dengan sebab itu, mereka ini ada, pegawai-pegawai Kerajaan ini ada—bagus, kerana hendak menengok supaya perjalanan MARA bagus, jangan duit tergelencung nanti, entah pergi ke sana ke mari duit ini, itu bagus. Tetapi pegawai-pegawai Kerajaan yang saya berpendapat dengan experience saya, kurang faham pemikiran rakyat di kampung-kampung. Kalau misalnya mereka hendak meminjam, kalau kita mengikut dengan General Orders sahaja—mana itu, mana ini disoal, memang orang kampung tidak akan dapat apa-apa. Dengan sebab itu, psychology orang-orang kampung terpaksa pegawai-pegawai itu mengerti. Dua orang wakil yang akan dilantik oleh Menteri daripada sektor awam atau swasta, yang lagi satu ialah Jemaah yang tugas-tugasnya ialah mengenai pekerja-pekerja. 7 orang ahli lain ini mestilah kalau Yang Berhormat Menteri memilihnya seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi wakil-wakil daripada pedagang-pedagang ataupun bumiputra, tetapi saya hendak mengesyorkan di sini bukan sahaja pedagang-pedagang bumiputra, bahkan juga daripada sektor pertanian getah; petani pemuda dan juga pedagangnya. Di dalam 7 orang ini mesti ada semuanya disertakan di dalam Jemaah itu. Kalau tidak begitu, cuma dalam dunia perniagaan sahaja yang ada, tetapi orang kampung hendak membela kambing, dia berkehendakkan pinjaman, bagaimana? Orang kampung hendak membeli Kubota misalnya, dia bukan berniaga, tetapi hendak membajak tanah dia, bagaimana? Dengan sebab itu, hendaklah petani-petani juga menjadi wakil di dalam perkara ini dan saya harap bagaimana yang telah dijalankan dahulu, saya pandang ini adalah teguran-teguran, tetapi

teguran-teguran daripada orang-orang kampung dan juga rakyat jelata dan pegawai-pegawai yang telah umurnya 55 tahun akan bersara. Pangkatnya dahulu besar, kemudian bersara, dilantik mereka ini menjadi ahli, rakyat di kampung tidak seronok lagi, kerana mereka berkehendakkan rakyat yang menjadi ahli-ahli, sebab sudah banyak pegawai Kerajaan, biarlah rakyat bersuara di dalam perkara itu. Itu kehendak orang kampung kita. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri dapat menegok perkara ini pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, saya hendak mengucapkan sekali lagi tahniah di atas kerja-kerja MARA. Kalau tidak ada MARA seperti yang saya katakan tadi tentulah kita lebih ke belakang lagi sungguhpun ada UDA dan PERNAS, tetapi boleh dikatakan yang datang ke depan mula-mula sekali adalah MARA, dan tanggungjawab adalah berat sampai hari ini, saya tahu dan ada setengah-setengah orang, manusia di dalam negeri kita ini memang tidak suka kepada MARA, iaitu kita tahu dan kita mestilah berjaga-jaga terhadap ini.

**Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit bahagian berkenaan dengan Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan), 1973.

Yang pertama sekali, saya sangat sukacita dan memberi terima kasih apabila Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menggalakkan rakyat yang di luar bandar untuk memperbaiki lagi taraf hidup bumiputra yang tidak berada. Dari itu, saya berharap Kerajaan khasnya Yang Berhormat Menteri mengadakan sebuah kolej di Sarawak untuk belia-belia kita akan berlatih di dalam perkara tanaman, ukuran, jurutaip dan sebagainya. Oleh sebab langkah-langkah ini akan memberi kemudahan-kemudahan kepada pemuda-pemuda di Sarawak untuk mempelajari apa-apa juga tidak berapa susah dan tidak jauh dari mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh lagi ialah berkenaan dengan pertolongan yang diberikan oleh MARA kepada rakyat di luar bandar dalam negeri Sarawak tidak berapa mencukupi. Dari itu saya menyeru kepada Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi bantuan lebih banyak lagi

kepada rakyat yang diam di tepi pantai di Sarawak, khasnya Jajahan Kelima, jauh sangat ketinggalan apa-apa juga dalam rancangan. Pertolongan Kerajaan ini berkenaan mengambil berat dan memberi kemudahan kepada nelayan-nelayan di Sarawak untuk mengadakan alat-alatan moden untuk menangkap ikan. Dan juga saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mendirikan sebuah kilang ikan di Sarawak untuk menambahkan pekerja-pekerja di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya berharap Kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengkaji semula perkara ini supaya dapat mencapai bagaimana memberi bantuan kepada rakyat di Sarawak, terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar.

**Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuatnya Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan), 1973.

Soalan di hadapan kita adalah jelas dan sangat senang, tetapi sudahpun diputarbalikkan oleh pihak Pembangkang, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Batu dan Seberang Selatan. Saya harap kecaman yang tidak bertanggungjawab itu mereka patut tarik semula untuk kebaikan negara kita. Saya anggapkan kalau mereka itu tidak tarikpun, saya berfikir tentulah mereka sudah takut kepada Menteri, kerana tuduhan-tuduhan yang mereka lemparkan dalam Dewan yang bertuah ini semuanya tidak bertanggungjawab. Oleh sebab itu, mereka tidak sanggup menanti jawapan yang sebenarnya daripada Yang Berhormat Menteri.

Adalah benar MARA sudah menjadi buah mulut semua rumah-rumah dalam tanah air kita sampai budak-budak pun menyebut nama baik MARA ini. Saya hairan sekali kalau orang yang bertanggungjawab seperti Ahli-ahli Yang Berhormat tidak memberi tahniah dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada pihak MARA. Adalah benar, kesemuanya orang Melayu tidak biasa mendapat peluang mengambil bahagian dalam perekonomian dalam negara ini. Saya bersimpati penuh dengan pegawai-pegawainya kerana mereka baharu sahaja campur tangan dalam lapangan perniagaan ini iaitu satu lapangan yang penuh dengan ranjau dan kesusahan, penuh dengan masalah, kerana bertentangan dengan pihak-pihak yang telah

maju jaya dalam tanahair kita dalam masa colonial dahulu. Saya anggapkan adalah peranan MARA dalam Malaysia merdeka kita ialah pahlawan bagi negara kita.

Saya dari Larut Utara bagi pengundi-pengundi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawainya. Saya tak ada masa yang tidak dapat kerjasama yang penuh daripada pegawai-pegawai MARA khususnya di Perak. Kita bekerjasama untuk faedah rakyat jelata kita. Umpamanya hendak minta hutang, hendak minta bantuan dan sebagainya perkara ini diuruskan dengan senang sahaja. Saya sendiri pergi Pejabat MARA iaitu Ketuanya, Encik Idris bin Lasim, di Negeri Perak dan pegawai-pegawainya bekerja sampai hari cuti, hari minggu dan malam hari pergi berdailog dan sebagainya untuk memajukan Rancangan Malaysia Yang Kedua kita iaitu yang dikehendaki sangat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya kejayaan dan hasilnya ditujukan kepada rakyat jelata, terutama sekali kepada orang Melayu dengan secepat mungkin. Malangnya, oleh sebab MARA ini ialah menjadi kawan kepada orang Melayu dari segala lapangan, katakan apa perkara yang MARA tak buat, beli pensil untuk budak-budak sekolah MARA buat, baju MARA buat, kacang putih MARA jual, roti MARA buat, tanam ubi kayu MARA buat, kapal besar-besar MARA buat. Dalam perkara yang besar-besar begini, tentulah bersetuju dengan saya tentu ada sedikit-sebanyak kekurangan, tetapi kecaman Ahli Yang Berhormat yang begitu hebat, bercakap seolah-olah berpidato dalam pilihanraya. Saya rasa, pendirian Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Seberang Selatan langsung tidak bertanggungjawab terutama sekali merendahkan kedudukan orang Melayu. Dia kata kalau minta pinjaman \$500 tak diberi, beri banyak-banyak orang Melayu bawa ke majlis perkahwinan dan sebagainya. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu kalau berani cakap di kampung Melayu sekurang-kurangnya telur busuk mesti naik di kepala beliau.

Kesimpulannya, saya berfikir Ahli Yang Berhormat kedua-dua ini iaitu dari pihak PEKEMAS cemburu kepada lapangan orang Melayu sudah tercapai di dalam hal ehwal perniagaan dan perusahaan, kerana itulah satu perkara yang dijagai dan dikuasai penuh oleh satu pihak. Kalau orang Melayu

masuk sedikit-sebanyak barangkali orang-orang itu sebulu dengan mereka itu akan kerugian. Maka oleh sebab itulah mereka mempertahankan bermati-matian.

Saya selalu mengatakan di luar Dewan ini, mereka sanggup memberi barangkali satu dua kerusi dalam Parlimen ini kepada pihak Perikatan tetapi di atas hal ehwal mereka dalam lapangan perniagaan mereka akan bermati-matian mempertahankan untuk faedah kaum kapitalis seperti sebulu dengan mereka itu. Kita tengok sehari-harian usaha yang besar-besar dijalankan oleh MARA. Kita tengok dijalanraya kita "Lori Malaysia" berkhidmat untuk rakyat jelata bukan untuk MARA. Perusahaan Kilang Papan San-Tai-Wang dan lain-lain.

Saya telah nyatakan, tentu Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya apa perkara yang MARA tak buat, tetapi bukan untuk faedah MARA sedikit pun, bangunan-bangunan yang begitu tersergam, kalau tak ada MARA siapa hendak buat. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Batu pergi berjumpa di kelinik dia bancuh sedikit garam dan air sejuk \$7 chargenya. Kalau bersemangat rakyat mengapa tidak dikatakan seminggu beri rawatan kelinik beliau percuma kepada rakyat jelata, tetapi ini tak ada. Tak ada perubahan, cakap besar dalam Dewan ini bahawa percakapan berkenaan dengan orang tak dapat tanah lombong, tak ada kena-mengena langsung dengan MARA. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sebahagian besar daripada ucapan yang tidak dipertanggungjawabkan itu telah pun dihukum tarik balik oleh Tuan Yang di-Pertua dengan kebijaksanaan.

Saya bersetuju dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi iaitu ucapan beliau yang bertahun-tahun dahulu orang Melayu sudah bergerak sudah mendapat tapak dalam lapangan perniagaan. Apa yang diharapkan sangat sekarang ini memang benar, dalam lapangan perniagaan ini apabila kita sudah dapat pelajarannya, maka yang kita kurang sekarang ialah modal yang besar-besar. Kata Ahli Yang Berhormat itu iaitu cakap dia yang bertahun-tahun dahulu kalau MARA umpamanya kurang wang geran tanah Malaysia ini gadaikan dan wang gadaian diberi kepada orang Melayu. Saya sudah membuat siasatan secara bertanggungjawab, iaitu orang Melayu ini bukan semangat pengemis. Tiap-tiap sen yang dipinjamkan kepada orang

Melayu, orang Melayu bayar capitalnya plus interest, dia penuhkan dan saya dengar daripada Pengarah Pinjaman MARA iaitu bahagian ini tak pernah kerugian bahkan orang Melayu memberi sambutan yang hangat. Itulah harapan saya dan saya menyokong penuh syor Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor iaitu kalau Kerajaan kurang wang hendak membantu orang Melayu dalam lapangan ini tak dapat wang umpamanya dari Bank Negara sangat pahit hendak mendapat wang, gadaikan geran tanah air kita ini dan penuhkan wang itu beri kepada orang Melayu dan saya bagi pihak orang Melayu memberi akuan segala-galanya akan dibayar balik kepada pihak MARA dan Kerajaan—capital plus interest sepenuhnya dan ini untuk kepentingan negara kita. Kalau orang Melayu tak boleh bertapak dalam soal ekonomi dalam negara ini, saya berulang kali menyatakan keselamatan negara kita ini tak terjamin.

Barang diingat dalam hutan belantara dalam tanahair kita ada kominis, habis kominis dalam hutan kalau tak kita jaga orang Melayu ini baik-baik barangkali orang Melayu saya nyatakan boleh pergi ke sana. Patut langkah yang dijalankan oleh MARA pada hari ini sangat-sangat kami sanjung tinggi dan boleh dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Yang di-Pertua, bukan saya hendak duduk dalam bakul hendak angkat diri saya iaitu Dewan Perniagaan Melayu Perak kami juga terhutang budi kepada pihak MARA. Kami kekurangan pelajaran Dewan Perniagaan Melayu Perak, tetapi dengan kerjasama yang rapat dan pihak MARA memberi seorang Setiausaha dibayar penuh oleh MARA. Dewan kami dalam Negeri Perak berjalan dengan baik dan teratur. Ahlinya meningkat dan mendapat sambutan rakyat jelata samada di luar bandar dan dalam bandar. Di luar bandar dan dalam bandar orang Cina pun memberi sokongan dan saya telah nyatakan tadi iaitu MARA ialah kawan kepada segala lapisan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kecaman-kecaman saya tak puas lagi ke atas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi dalam dunia kita ini banyak orang yang beriman. Rosak iman kita ialah kerana iblis dan orang-orang yang bercakap senada dengan Ahli Yang Berhormat dari Batu itu, saya anggap dialah manusia yang dirasuk oleh iblis, boleh bercakap yang begitu dalam Parlimen yang bertuah ini.

Saya sangat sukacita iaitu MARA ini berjalan dengan segala lapangan penuh bersemangat, mereka bersedia berkorban untuk orang-orang Melayu dan MARA ini melatih orang-orang Melayu. Apabila dalam satu bidang mereka telah mendapat selesaikan masalah-masalah, maka apa-apa perkara pun mereka serahkan dengan segala-galanya stock and barrel kepada orang-orang Melayu. Ini satu kepujian yang tinggi sekali, saya rasa tak ada dalam dunia ini satu pemerintah yang boleh buat begini untuk kepentingan rakyat jelata seluruhnya.

Saya cuma hendak memberi sedikit syor kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak boleh memberi nasihat, saya pun orang bodoh, orang kampung dari Larut Utara. Jadi, apa-apa perkara janganlah buat berlapis. Semalam saya bercakap dengan Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Katanya adalah elok apa-apa perkara yang MARA buat itu terutama dalam lapangan kenderaan, janganlah berlapis iaitu di mana ada orang Melayu boleh menjalankan, peluang hendaklah MARA menarik diri dan beri kepada orang Melayu. Ini nasihat Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu sangat baik. Dan saya rasa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar patut mengambil ingatan di atas pandangan yang baik ini.

Akhirnya, adalah tidak betul kenyataan yang telah dibuat dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan tadi yang menyatakan akaun MARA ini adalah tidak diodit oleh Auditor-General. Saya Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sehingga hari ini; sudah 12 tahun. Auditor-General kita sangat bertanggungjawab dan satu jawatan yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apabila beliau berfikir beliau hendak odit akaun MARA dan pernah diodit, Auditor-General tidak ragu-ragu lagi akan mengodit kira-kira MARA. Kita pernah odit dan kita dapat adalah kebanyakannya betul yang mana tidak betul kita tegur. Jadi saya harap oleh sebab saya dalam Jawatankuasa itu, saya sudah berkhidmat dan masih berkhidmat selama sudah 12 tahun yang lampau, ucapan beliau itu tidak betul. Saya harap ucapan yang tidak bertanggungjawab itu patut beliau tarik balik.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawainya yang bertungkus-lumus

dengan satu jalan, satu rupa hendak membimbing satu makhluk manusia iaitu Melayu dalam satu lapangan yang sangat susah dan rumit iaitu membina satu masyarakat adil, makmur khasnya menaikkan taraf orang Melayu setanding dan setinggi iaitu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa asing, khasnya dalam lapangan perekonomian negara ini dengan tujuan dan matlamat supaya kita boleh duduk dalam negara ini dengan aman dan makmur. Syabas saya katakan bagi pihak pengundi-pengundi saya Larut Utara kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang yang tidak suka hendak bercakap panjang lebar, saya suka hanya bercakap ringkas sahaja. Tetapi dalam perbahasaan ini oleh kerana terlampau banyak keritik-keritik, nasihat, syor-syor dan setengahnya pandangan yang salah yang dikeluarkan oleh setengah-setengah Ahli-ahli Pembangkang, maka terpaksa saya menjawab dengan sepenuhnya.

Dalam pilihanraya-pilihanraya yang telah berjalan beberapa kali di negara kita, sebahagian daripada parti Oposisi telah mengambil kesempatan mengelirukan orangramai dengan mengatakan bahawa MARA ini suatu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan hendak merampas hak-hak perniagaan orang-orang yang bukan Melayu dalam Malaysia. Tetapi, di dalam Dewan ini mereka itu bercakap dengan satu nada yang lain, seolah-olahnya mereka itu jujur hendak menyokong dasar Kerajaan dan hendak menolong memajukan MARA lagi. Saya tidak tahu di manakah satu pendirian mereka yang betul samada pendirian yang di luar Dewan ataupun yang diucapkannya dalam Dewan ini. Pada pandangan saya: tidak dapat tanduk, telinga dipulas, kata pepatah Melayu, oleh kerana mereka tidak dapat hendak berterus-terang dalam Dewan ini menentang MARA dan menentang dasar Kerajaan yang baik, maka mereka itu mencari hujah-hujah untuk memburukkan MARA.

Saya berasa dukacita oleh kerana dua orang sahabat saya daripada parti PEKEMAS telah memberi ucapan di mana beliau berasakan kepada penerangan-penerangan yang tidak betul yang telah diterima oleh orang-orang yang memberi penerangan kepadanya. Sukalah saya sebutkan di sini bahawa MARA

ditubuhkan dengan tujuan hendak meramikan lagi orang-orang Melayu supaya masuk dalam dunia perdagangan dan perusahaan, bukannya untuk hendak mengkayakan orang Melayu seperti yang disangkakan oleh setengah-setengah orang yang bukan Melayu dan oleh pihak Oposisi dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai 30% penyertaan orang Melayu dalam perdagangan dan perusahaan terpaksa mengambil masa 20 tahun lamanya. Jika sekiranya orang Melayu tidak diberikan galakan dan pertolongan, maka sudah pasti dasar itu tidak akan tercapai dan akibatnya sangatlah buruk jika perbezaan ekonomi di antara satu kaum dengan yang lain terus-menerus tidak dapat dibaiki, tentulah akan menjadi kekecohan besar di dalam tanahair kita ini. Maka dengan sebab itu, usaha Kerajaan untuk meramikan lagi orang Melayu berniaga dan berusaha adalah satu tujuan yang suci bagi kepentingan 10 juta rakyat Malaysia dan juga jenerasi kita yang akan datang yang mana mesti disokong oleh semua rakyat yang cintakan tanahair kita.

Saya suka menjawab satu perkara yang penting sekali disebut oleh wakil dari Batu mengenai pinjaman yang telah diberikan kepada seorang saudara yang sekarang ini menjadi Menteri dalam pemerintahan Kerajaan Perikatan. Pinjaman ini telah dibuat ataupun telah diberikan kepada beliau ini sebelum saudaranya dilantik menjadi Timbalan Menteri oleh Perdana Menteri. Pinjaman itu telah disiasat dan didapati sangat menasabah dan cagarannya yang dicagar-kannya kepada MARA sangatlah tinggi. Kemudian apabila perjalanan perniagaannya tidak begitu maju, maka sipeminjam ini telahpun menunaikan atau membayar balik semua hutang-hutang yang dipinjamkan oleh MARA itu berserta dengan interest. Jadi, tuduhan yang dibangkitkan oleh wakil dari Batu mengatakan write-off itu tidaklah betul dan tidak berasas sama sekali.

Kemudian datang soalan lagi daripada Yang Berhormat Seberang Selatan mengenai Perbadanan Pemasaran Batik Sendirian Berhad. Saya suka menyebutkan di sini Perbadanan Pemasaran Batik Sendirian Berhad ini adalah gabungan di antara MARA dengan lebih kurang 200 orang shareholders yang terdiri daripada pembuat-pembuat batik di

Pantai Timur. Maka mereka inilah yang menentukan harga-harga kain yang patut dijual kepada pembatik-pembatik di Pantai Timur itu dan segala keuntungannya diberikan kepada mereka. Soal samada harga kain putih yang dikeluarkan oleh KIMA tinggi atau rendah, itu terpulang kepada pembatik-pembatik itu sendiri menentukannya.

Kemudian beliau menyebutkan bahawa perbadanan ini telah memberikan kredit sebanyak \$3,000 kepada sebuah kompeni di Taiping. Saya suka menyebutkan di sini bahawa Kompeni itu telah bertukar tangan kepada satu management yang baharu dan sudah pasti kredit itu akan dapat dipungut kemudiannya. Beliau juga menyebutkan satu pinjaman telah diberi kepada seorang yang bernama Mat Zain sebanyak \$500 tetapi malangnya beliau tidak menerangkan nombor rumah dan alamat yang tepat untuk disiasat samada tuduhan beliau mengatakan wang ini telah disalahgunakan benar-benar berlaku ataupun tidak. Bagi pihak MARA akan terus-menerus menjalankan penyasatannya itu. Beliau juga mengatakan bahawa MARA telah memberikan pinjaman \$2 juta kepada sebuah firma yang tidak wujud. Ini adalah satu tuduhan yang sangat melulu kerana MARA tidak pernah memberikan pinjaman yang berjuta-juta ringgit banyaknya selama MARA ini ditubuhkan. Kebanyakan pinjaman hanya diberi kepada pinjaman-pinjaman kecil yang \$2,000 ke bawah tidak mempunyai cagarang cuma dengan jaminan sahaja. Begitu juga pinjaman teksi tidak ada apa kesulitan yang timbul lagi pada hari ini, semuanya berjalan dengan baik belaka.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Prai Selatan itu juga menyebutkan bahawa kira-kira wang MARA tidak diudit oleh Juruudit Negara, saya suka menarik perhatian beliau supaya meneliti Seksyen 18 Perlembagaan MARA yang telah diluluskan oleh Dewan ini bahawa MARA boleh menggunakan juruudit selain dari Auditor-General Kerajaan. MARA memang ada mengeluarkan penyata tahunannya pada tiap-tiap tahun dan kelambatan telah berlaku membentangkan ke dalam Dewan Rakyat segala penyata-penyata itu dan saya mengaku Penyata itu akan dikeluarkan dengan seberapa cepat yang boleh.

Saya suka menyentuh ucapan Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengenai limbungan kapal di Kuala Trengganu. Lim-

bungan kapal ini pada mula-mula ditubuhkan dahulu adalah dengan tujuan hendak melatih pemuda-pemuda Melayu supaya mempunyai kepandaian membina bot-bot, kapal-kapal kecil dan sebagainya. Perbelanjaan yang telah digunakan lebih kurang \$400,000 pada satu tahun. Apabila saya mengambil alih MARA pada tahun 1968, dasar itu telah dipinda, Limbungan Kapal MARA itu telah dijadikan sebagai sebuah syarikat swasta dan didapati pada hari ini syarikat itu berjalan dengan sangat maju dan dapat membuat keuntungan. Ini adalah satu achievement, satu kejayaan besar yang dibuat oleh Limbungan Kapal MARA. MARA pada hari ini sedang mengadakan perundingan iaitu pegawai-pegawai sudahpun pergi ke France dan Afrika Utara dan ada kemungkinan bot-bot akan diekspot ke negeri-negeri di Afrika Utara untuk kegunaan menangkap ikan.

Ahli Yang Berhormat juga menyebutkan masalah KIMA menjual kain putih kepada kompeni-kompeni yang bukan pembuat kain batik di Trengganu, Kelantan dan juga Pahang. Kilang kain MARA ataupun KIMA di Kajang itu mengeluarkan kain lebih kurang 12 juta ela setahun, dan memanglah menjadi tujuan asalnya kilang tersebut hendak membekalkan kain putih itu kesemuanya sekali kepada pembuat-pembuat kain batik di pantai timur dan juga di tempat lain. Tetapi pembatik-pembatik itu tidak dapat membeli semua kain putih yang dikeluarkan oleh kilang tersebut, maka dengan sebab itu kilang KIMA tersebut terpaksa menjual kain baki itu kepada syarikat-syarikat yang lain dengan mengikat perjanjian. Dalam tahun yang lalu dengan tidak semena-mena oleh kerana kekurangan kapas di seluruh dunia, maka kemasukan kain putih dalam negeri kita telahpun berkurangan dan pembatik-pembatik di Pantai Timur dengan sendirinya tidak dapat cukup kain putih. Walaupun KIMA boleh mengeluarkan kain putih yang cukup kepada pembatik-pembatik di Pantai Timur, tetapi kerana KIMA telah membuat perjanjian dengan kompeni-kompeni yang lain, maka tidaklah dapat perjanjian itu hendak diputuskan atau hendak dibatalkan dengan sesenang-senang hati begitu sahaja, tak dapat tidak kilang kain MARA ini akan dibawa ke mahkamah dan membayar gantirugi. Inilah masalah yang timbul dan pada masa yang

akan datang jika sekiranya pembatik-pembatik ini boleh mengambil semua sekali kain-kain itu, maka tidaklah payah dijual lagi kepada orang lain.

Ucapan-ucapan yang dibuat oleh wakil-wakil yang lain seperti dari Seberang Perai Utara mencadangkan berbagai-bagai rancangan yang patut dibuat oleh MARA, saya ucapkan berbilang terima kasih, setengahnya sudahpun dijalankan dan akan diambil perhatian yang berat di atas nasihat-nasihatnya itu.

Timbul juga masaalah berkenaan kilang UBIYU di Kuantan, yang dibangkitkan oleh Wakil dari Batu. Ini tidaklah benar kerana kilang itu sedang berjalan dengan baik dan banyak memberikan keuntungan. Saya suka juga menjawab Wakil dari Besut, tidaklah benar ada berlaku perselisihan di antara Pengerusi dengan Timbalan Pengerusi MARA yang lalu. Timbalan Pengerusi yang lalu itu seorang Pegawai Kerajaan dan beliau mestilah mendapat peluang meningkat kepada jawatan yang lebih tinggi dan telah ditukarkan ke tempat lain dan Pengerusi MARA di waktu itu sangat-sangat dikehendakki mengambil tempat yang baharu dalam sebuah Kementerian yang lain dan ini tidaklah boleh menimbulkan kecurigaan ada berlaku pertelingkahan. Tidak ada perlawanan yang berlaku di antara kerja-kerja MARA dengan PERNAS sepanjang yang saya ketahui, sebab Senama iaitu satu kompeni yang membekalkan barang-barang kepada orang ramai, ia hanya berjalan dalam negeri Selangor sahaja. Jika PERNAS ingin mengambilnya MARA akan menyerahkan dengan segala senang hati.

Begitu juga tentang masaalah pinjaman lambat dan sebagainya, ini tentulah satu perkara yang rumit kerana terpaksa dikaji dengan halus dan kita akan usaha dengan seberapa daya yang boleh supaya tidak lagi berlaku kelambatan seperti yang disungutkan oleh Ahli tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan sedikit lagi bahawa syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh MARA seperti syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh ejensi-ejensi Kerajaan yang lain tidak terhad kepada economic objective sahaja, mereka juga diberi tugas social objective bagi menghasilkan Dasar Ekonomi Baharu, yang demikian kejayaannya tidak harus ditekankan kepada soal keuntungan dan profitability sahaja. Faktor-

faktor lain seperti memberi pekerjaan, latihan, pembinaan, expertise dan management institutions yang sangat-sangat diperlukan oleh orang-orang Melayu dan lain-lain bumiputra adalah sama penting dengan economic objective.

MARA mempunyai 24 buah syarikat yang sedang berjalan pada hari ini walaupun ada sebahagiannya belum mendapat keuntungan tetapi sebahagian besarnya telahpun mendapat keuntungan.

Saya tidaklah berhajat hendak menerangkan lebih lanjut lagi dan saya mengaku bahawa segala teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, segala syor dan cadangannya akan ditimbang dengan halus oleh MARA dan mana-mana kelemahan yang terdapat akan diperbaiki dan dengan sokongan daripada semua pihak yang sebenar-benar jujur hendak menyelesaikan masaalah rakyat Malaysia yang akan datang akan memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya supaya negara kita berjalan dengan sebaik-baiknya pada masa yang akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. MARA bukan sahaja sanggup menerima pujian dan tahniah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Larut Utara, segala kritik-kritikpun diterima dengan tujuan untuk membina negara yang akan datang. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960 bagi membolehkan pihak berkuasa Negeri mengambil sesuatu tanah bagi maksud-maksud pertanian atau perdagangan. Menurut peruntukan yang ada sekarang pihak yang berkuasa negeri hanya boleh mengambil tanah-tanah bagi tujuan-tujuan perlombongan atau bagi maksud kediaman atau perindustrian. Sungguhpun dalam peruntukan sekarang ini ada juga peruntukan kuasa-kuasa mengambil tanah untuk sebarang kegunaan am akan tetapi peruntukan yang demikian boleh menimbulkan sedikit sebanyak keraguan jika sekiranya pihak yang berkuasa Negeri bercadang hendak mengambil tanah bagi maksud pertanian dan perdagangan. Dengan yang demikian, Majlis Tanah Negara di dalam persidangannya pada 18hb Disember, 1972, telah bersetuju membuat suatu pindaan baru pada Akta Pengambilan Tanah, 1960 itu, dan dengan pindaan yang dikemukakan sekarang ini akan lengkaplah peruntukan-peruntukan untuk pihak yang berkuasa Negeri-negeri mengambil mana-mana tanah untuk perlombongan, perumahan, perindustrian, pertanian dan perdagangan iaitu selain daripada peruntukan yang telah sedia ada diberi di dalam undang-undang yang lalu yang terkandung di dalam maksud public purposes atau juga public utility.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pembangunan negara kita pada masa sekarang telah berjalan begitu pesat dan di mana pihak berkuasa Negeri-negeri melalui ejensi-ejensinya telah menceburkan diri di bidang perusahaan dan perdagangan terutama sekali di seluruh negara kita yang merupakan sebuah negara agraria, maka perindustrian yang berasaskan pertanian atau agro-based industry mustahak dimunculkan dan mengambil tempatnya sendiri di tengah-tengah pembangunan yang beraneka-ragam sekarang ini. Banyak negeri-negeri yang telah memberikan

perhatian kepada usaha-usaha memajukan ladang-ladang tebu, halia, cengekeh, cendawan dan sebagainya yang mungkin dapat dijayakan dengan secara besar-besaran. Langkah-langkah seperti ini akan dapat mengembangkan faedah ekonomi yang besar kepada Negeri-negeri yang berkenaan dan juga kepada negara sendiri selain daripada membuka peluang kerja yang lebih luas kepada rakyatnya.

Dengan keterangan-keterangan yang ringkas ini, saya percaya Akta Pengambilan Tanah (Pindaan), 1973 ini akan mendapat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana di dalam pendapat saya Rang Undang-undang yang begini rupa amatlah penting bagi kita untuk menghadapi pembangunan-pembangunan yang kita rancangkan selama ini. Tetapi saya ingin menyatakan ataupun menyampaikan sedikit sebanyak pendapat saya yang agak saya jikalau tidak diambil perhatian ataupun diawasi oleh Kerajaan akan menjadi satu perkara yang tidak kita ingini di masa yang akan datang berhubung dengan pembangunan yang kita bertujuan untuk mengambil tanah-tanah daripada rakyat jelata untuk pembangunan.

Perkara yang pertama, di dalam soal pengambilan tanah ini oleh kerana kedudukan negara kita pemilik-pemilik tanah boleh dikatakan 90% adalah di tangan orang-orang Melayu. Apa yang sentiasa terjadi bahawa pengambilan tanah ini kalau diambil oleh Kerajaan terkena kepada tanah orang Melayu. Tanah orang Melayu, oleh kerana tanah Malay Reservation, maka sudah tentulah kalau dibandingkan harga market dengan tanah yang bukan dimiliki oleh orang Melayu harga tanah orang Melayu ini adalah lebih rendah. Selama ini Kerajaan mencontohi bank atau swasta-swasta yang lain.

Kalau bank atau swasta yang lain berani membeli tanah orang Melayu satu ekar \$1,000 maka Kerajaan apabila dia mengambil tanah rakyat jelata daripada bumiputra (orang Melayu) kenalah membayar \$1,000

juga. Saya percaya, ini cerita lama, cerita 100 tahun dahulu waktu orang Melayu tidak ada mempunyai wang, tetapi sekarang ini, orang Melayu sudah mempunyai wang banyak. Dia boleh membeli tanah-tanah yang harga mahal. Oleh itu, apa yang saya ingin memperingatkan supaya Kerajaan boleh dicontohi oleh bank dan swasta.

Di waktu Kerajaan hendak membeli dan mengambil tanah rakyat jelata daripada orang Melayu ini jangan difikirkan soal harga pasaran (market), mesti Kerajaan memikirkan soal bagaimanakah kerugian orang-orang Melayu, orang-orang bumiputra ini dengan diambil tanahnya 10 tahun, ataupun 70 tahun, 30 tahun hasil daripada sekarang sehingga 30 tahun dicampurkan dengan harga, maka itulah harga yang mesti dibayar oleh Kerajaan kepada yang mempunyai tanah.

Dengan itu, saya rasa satu cara yang kita dapat menolong orang Melayu untuk menjumlahkan tanah mereka, kerana jika Kerajaan ini menjadi contoh. Jadi orang Melayu yang hendak memajukan tanah dia dan dia tidak ada wang dibawa kepada bank dan bank boleh menerima tanahnya dengan harga murah. Yang mendukacitakan pernah bumiputra melelehkan airmata kerana tanah orang bukan Melayu yang berhampiran dibeli dengan harga \$10,000 seekar, tanah orang Melayu \$1,000 seekar. Ini patut diambil perhatian oleh Kerajaan.

Yang kedua, soal Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil tanah untuk pembangunan ataupun perkilangan. Apa yang saya difahamkan sekarang ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun membekukan tak kurang daripada 70% tanah orang-orang Melayu di sekeliling kawasan pekan besar di Pulau Pinang seperti Bukit Mertajam, Seberang Prai dan lain-lain. Dan ini diharap mendapat perhatian Kerajaan atau Menteri yang bertanggungjawab di dalam soal ini. Apa yang saya takut, pembangunan naik melangit, tetapi akhirnya bumiputra ini tempatnya di bukit. Tanah di sekeliling pekan diambil oleh Kerajaan, dibuat pembangunan, orang bukan Melayu duduk di situ, orang Melayu yang tinggal di tempat itu, lari ke bukit, itulah tempat orang Melayu. Pada hal kita sekarang ini bercita-cita untuk menyusun semula keadaan masyarakat di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya.

**Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah)**  
(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have only a few remarks to make on this Bill. I see that this Act is amended to give powers to the Government to acquire land for commercial and agricultural purposes. I would like to remind the Government that a very important part of the Act should be dealt with, i.e. the principles of arriving at a fair compensation—the principles are in the First Schedule of the Act.

Now to acquire a piece of land and then to pay a fair compensation to the land-owner, I say, is not sufficient. Say, I have a piece of rubber land of ten acres. I can support a family with this rubber estate. If this piece of land is taken away from me and if the Government just pays me, say, \$2,000 or \$3,000 per acre, well, I get a lump sum, but what can I do with it? Can I buy another piece of estate somewhere else? We know nowadays it is very difficult to buy titled land—it is very, very difficult—because various State Governments have more or less stopped issuing titles. So, this aspect of acquisition has got to be looked into.

Now, the other aspect is, of course, the human problem that comes with it. If I stay near a beach and if my land and my house are taken over by the Government, then how can I earn a living if I am asked to move three or four miles away if for example, by tradition, I am a fisherman and I go out to sea to fish and so on and so forth? If I am asked to leave the area, how can I earn a living? This problem, I think, the Government ought to consider when acquiring land from the people.

Now, I understand the Government has the intention of developing the Lumut area into a naval base. In Teluk Moruh particularly—there are about 100 families only—these people are complaining. They have been staying there for many years and they are depending on the sea for their livelihood. These people have been asked to go to an area of about three miles away to a former rubber estate known as Suffolk Estate. Now, these people say, "What can we do with the money given to us. We cannot go out to fish because we are fishermen. We know only this trade. If you give us a lump sum of, say, \$10,000, we cannot do anything with it. The sum of \$10,000 nowadays cannot last for a year." Now, what they want is a piece of land,

say, of about five or six acres, so that they can continue to earn their living by cultivating their land. That is what they want, not just the compensation. They want land to cultivate, to plant, and so on and so forth, so that they can continue supporting their families.

In this particular instance, they have been given only half an acre of land each and on it is built a house with only two rooms. As we know, the Chinese families are usually large. In one family there may be ten or fifteen people. So, with two rooms in the house, they won't be able to live comfortably. So, I hope the Government can provide bigger houses for them. They are not taking the houses free of charge—they are paying back the Government by instalments.

Finally, I would like to repeat that these are the problems that the Government ought to consider before forcefully acquiring a piece of land from the people. These are human aspects of the problem. The Government can, of course, bulldoze through everything to acquire a piece of land and then just pay a few thousand dollars. But what about the human aspects of it, the social aspects of it? These people have to be rehabilitated in another area and it is not just asking them to live. So, I hope the Government will consider all these problems, particularly so when the Government intends to take a large chunk of Lumut for the purpose of a naval base.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan saya mohon izin untuk berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I welcome this Amendment Bill for the purpose of enabling the Government to acquire land for agricultural and commercial purposes, because I believe that commerce is not and should not be the prerogative of entrepreneurs only and the Government should also go into these enterprises and commercial ventures, for it will benefit the people as a whole and not some individuals here and there. I hope that is the intention behind it.

Sir, I agree with the Member for Kubang Pasu Barat regarding the compensation that is paid by Collectors who hold enquiries. Mr Speaker, Sir, only a few hours ago, a certain lawyer was telling me that these Collectors

should not be permitted to exercise judicial functions as in some cases they have failed to exercise these functions judicially—in other words where they hold enquiries to determine how much compensation should be paid. For example, the Act clearly provides that where compensation is concerned, the occupiers themselves must be concerned, but there are clear instances, Mr Speaker, Sir, where compensation has been paid directly to the owner of the land, the registered proprietor of the land, and where the occupiers of the land, the tenants and so forth have been ignored. This has created a great deal of difficulties for the occupiers to claim compensation, because sometimes, it is a small amount and they forgo it; but where it is a big amount, they find it difficult because they have to go to lawyers and so forth and incur a lot of expenses to go through with it. They cannot appeal, because the Government makes a limit under this Act. There is a limit and if it is below that limit, you cannot appeal. So it is the small people who suffer.

Mr Speaker, Sir, secondly there is the question as the Honourable Member on my right was mentioning just now, and that is, if the compensation is inadequate. I personally had to go and persuade a lady at Kepala Batas, Province Wellesley, for the purpose of acquiring a piece of land for a filtration plant. We know water is very essential and the Government only acquires it if it is very essential, but sometimes it is not the Government which decides; it is the planners who would decide where the plant should be, irrespective of who owns the land, what is the purpose of the land and so forth. At the last moment the Government is asked to acquire, the Government cannot do anything but to acquire. It is the planners who have to see that the land that they acquire does not cause hardships to the people. Although we have the law to acquire, we must see because this lady said, "My ancestors and all that have been here. This is like gold to me. Money, I do not want." I tried to persuade her. It was not the amount of money that was in dispute. In fact, I said, "You can double the amount". We even worked it out and told her that she could earn more by depositing it in the bank and earn an interest. She just said, "Itu haram, tak boleh!" So it is very, very difficult. To her it is life and death and if the Government were to give her another

piece of land, maybe another parcel somewhere, maybe it would cost a great deal of difficulties to that particular person. Therefore it upsets the whole mode of living. Let us take the example which is happening, as the Honourable Member said, in Penang. Our rice fields are dwindling, no doubt. Maybe that is one of the reasons why there is shortage of rice. More and more land is being acquired. Perhaps the purpose is good, we want to industrialise, but why choose those particular lands? Could not we find something else even if it is a bit farther? Nowadays people have easy transportation, surely the choice of land could be better, but the Government is unable to give an alternative land. For if he is a rice padi planter and you acquire his padi land you cannot substitute alternative land. So the Government must find a way. Now take the case of the hotels that come up at Batu Ferringhi where land has been acquired. Perhaps I think—it is a mere suggestion—would it not be better, perhaps it is not against Islam, instead of giving compensation, you work out the compensation as fair as possible, but instead of giving the money to those people which they will invariably spend it, all the sons will come along and take it from the old lady and spend it, why not give shares in the hotels so that they also share in the development, share in the profits which foreigners make from our land? Why not we give shares instead of giving money? Can we not give shares in the hotels or, if it is at Bayan Lepas, give shares in the factory? Why must the foreigners own everything and make all the profits, with exploitation of our workers and our farmers and our lands. I would earnestly ask the Government to consider that where land is acquired, it must consider proper compensation. Perhaps it is difficult—the Minister of Communications is laughing—but it is worth trying. This is my humble suggestion.

Now I would like to, we have these additions for commercial and agricultural purposes, the Government to extend the purposes for which land can be acquired compulsorily, in order to solve some problems which have remained unsolved for 17, 18 or even 20 years. As the Minister now well knows, he has got a man in his Department who has been the Commissioner of Land for Malacca and Penang and he should be well-versed with the problems that are faced particularly in Penang, Mr Speaker, Sir, because Penang has been

under the old English Land Law, which has its own peculiarities and which has created problems which cannot be solved for the last 17 or 18 years.

I would like to humbly suggest that the Government could acquire such lands and settle the problems for the people. I would not like to take up the time of the House, but I think the Minister would understand if he discusses it with his Commissioner—that where persons who have bought lands, fragmented and sub-divided them but up to now titles cannot be issued because one of the person is dead, where there is nobody to sign the form, I am sure in such cases, for such purposes, the Government can utilise and extend the application of this Act to acquire such lands and give them back to the occupiers for a fee or whatever it is.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** You mean land resettlement schemes?

**Tuan V. Veerappen:** No, sub-division of land where nobody applies for survey, nobody applies for anything, and the persons who have bought it simply occupy the land without the title and without being able to deal with the land, in which case the money is paid to the present registered owner, not to the actual occupier. Thousands of thousands of dollars have been paid and the actual occupiers have been ignorant and have been betul-betul swindled.

Mr Speaker, Sir, I also would like to draw to the attention of the Minister responsible that the power for the Government to enter a person's land and investigate and decide what it wants to do under Section 4 and to buy it, under Section 8, has been misused. It has been extended from 6 months to 12 months, but it has been misused in the past. I would like the Ministry to ensure that it is not misused. We have a time-limit of 12 months for the Government to decide whether it wants to buy or not. The Government goes on freezing a lot of land for a year and the people cannot buy or sell that land. But when it decides, it buys a small portion. But sometimes, when the Government does not decide, it goes on re-gazetting it. In other words, it becomes a permanent freeze and the purpose of the Act is defeated and the people who own the land cannot deal with the land. This is a very big misuse and I would like the

Government to ensure that repetitive gazetting under Section 4 or 8 shall not take place. Thank you very much, Mr Speaker, Sir.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi dengan teguran-teguran, iaitu berkenaan dengan pengambilan tanah (acquisition of land). Saya hendak memberi sedikit pandangan iaitu berkenaan dengan pengambilan tanah untuk indastri dan juga agriculture.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak iaitu ada tanah di negeri Selangor ini yang hendak dibuat indastri dan juga perumahan dan lain-lain. Apabila Kerajaan hendak mengambil tempat itu hendaklah dirahsiakan betul-betul. Apa sebabnya dirahsiakan betul-betul; jikalau rahsia ini dibucurkan, maka apa telah terjadi, iaitu kapitalis-kapitalis atau orang-orang kaya yang banyak duit, dia beli tanah itu, dia beli tanahnya besar-besar. Sesudah itu maka tanah ini dipunyai oleh mereka. Dia sudah tahu, oleh kerana dia tahu tadā, iaitu tanah ini akan naik harganya dibelinya.

Saya memberi contoh iaitu di Bangi, di situ akan dibuat sebuah universiti dan dekat tempat itu dijadikan Universiti Pertanian pula. Saya dapat tahu iaitu tanah ini telah dibekukan—frozen, tetapi sungguhpun dibekukan saya hairan bagaimana dikatakan sudah dibekukan oleh Pegawai Daerahnya, sudah dibekukan dan sudah dibekukan, tetapi saya hairan dapat dibeli oleh orang-orang, dapat dibeli oleh syarikat-syarikat. Syarikat Empat Ekor, dapat dibeli oleh syarikat yang besar-besar, dapat ditukarkan nama, tetapi telah dibekukan.

Saya ada mengatakan sudah dibekukan pun menurut undang-undang boleh pula dibeli. Jadi itulah sebabnya saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab apabila tanah itu dibekukan oleh Kerajaan boleh atau tidak transfer dibuat . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Nampaknya ada banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Ahli yang Berhormat boleh sambung besok.

## PENANGGUHAN

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### BANJIR DI KUALA LUMPUR

**Tuan Hor Cheok Foon:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kerana memberi koram yang cukup dan membolehkan Ucapan Tangguhan saya dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, whenever the question of the floods in Kuala Lumpur is raised both in this House and at the State Assembly level, the authorities are always equipped with a stereotyped answer with the argument that we have done everything possible to remedy the situation. But the problem remains unsolved; and floods still occur in the Capital City during most part of the monsoon season and even when there is a sudden downpour of tropical rain.

Lately, according to reports the central wholesale market at Jalan Ipoh/Jalan Maxwell had experienced four rounds of floods within a short period of less than a month and the water levels of these floods were well above human height. As a result, business at the market had completely come to a halt during the flood. The wholesale merchants in the market suffered heavy losses due to their goods not being disposed of in time and some of the goods were left to rot and some had been washed away by the water.

Hawkers had not been able to get their goods to meet the daily market but they called it a day and had a restful day without income.

The people by and large residing in the Capital City are the ones affected the most, because they could either get no fresh food on

their dining tables or had to pay a higher price to obtain their daily supply of vegetables, meat and sea-food elsewhere.

Tuan Yang di-Pertua, squatters who are scattering along the embankment of the Sungei Gombak and Sungei Kelang would have their houses and huts submerged in no time when the flood comes. Even some more permanent residential houses like in the Tiong Nam Settlement and at the 4th mile of Jalan Kelang, which are situated in low-lying areas, are not able to escape the fate brought in by the floods. Human lives, poultry, animals, furniture and other household belongings and what-not, if not withdrawn in time, will have to be perished and damaged when the flood comes, which gives no warning. About a year ago, the roundabout at Jalan Ipoh was flooded with a few-feet deep of water and one of the Ministers, who was caught in that incident, had to descend from his own car and join the crowd to have his vehicle pushed to higher ground.

Tuan Yang di-Pertua, all these incidents related to the floods in Kuala Lumpur are inexhaustible to name. But the problem has to be resolved; otherwise it would not only add unnecessary hardship to the citizens of Kuala Lumpur but would also retard the growth of our beloved Capital City.

On behalf of the people, I submit the following proposals for the relevant authorities to consider in bringing about a thorough and once-for-all solution to the problem:

- (1) To have a thorough investigation and study of the Sungei Gombak and Sungei Kelang right from their sources to the estuaries where these rivers discharge into the sea, especially paying attention to the aspects of:
  - (a) the volume of water which they carry throughout the journey;
  - (b) the amount of silt, sand and rock which are carried down from the mountains; and
  - (c) the pattern and the characteristics of how the rivers meander in the low-lying areas and especially when they meander through the Capital City.
- (2) To investigate and study the possibility and the necessity of whether one or more canals are required to be built in

the City to divert and to absorb the extra rain-water from the rivers during the tropical torrential rains during the monsoon seasons.

Tuan Yang di-Pertua, I sincerely hope that, for the welfare and the prosperity of Kuala Lumpur, it is time for the authorities to act now.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, soal mengenai perkara banjir dalam kawasan Kuala Lumpur yang dikemukakan dalam Dewan ini oleh tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dari Teluk Anson, Batu dan Dato Kramat telah dijawab dalam sidang Dewan Rakyat yang berlangsung pada 24hb April, 1973. Saya telah menjawab dengan menyatakan bahawa kerja segera untuk membaikinya sedang diusahakan oleh Dewan Bandaraya.

Pada masa ini bahagian Parit dan Taliair di Kementerian Pertanian dan Perikanan dalam beberapa bulan ini telah menjalankan pengajian mengenai masalah banjir yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur dan satu rancangan comprehensive untuk mengurangkan kejadian banjir ini sedang dalam kajian peringkat terakhir sekarang untuk pertimbangan Kerajaan.

#### **JURUBAHASA-JURUBAHASA MAHKAMAH UNDANG-UNDANG**

**Tuan Lim Cho Hock:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have been approached by some Court Interpreters to raise one matter in this august House. The Court Interpreters have a very exacting and difficult job to administer. Sometimes they are required to do interpretation work for statutory bodies like the Rent Tribunal.

I understand the entry qualifications for Court Interpreters are higher than those for court clerks. Those Interpreters wish to know why the "pensionable increases" of all the Interpreters in the Public Service have been changed to "bahasa elaun" under the Suffian Salary Scheme, thereby causing the Interpreters to lose their pensionable status in respect of these increases. This is contrary to the spirit of Article 147 of the Constitution. Prior to the introduction of the Suffian Scheme, those pensionable increases were added to the basic pay for the purposes of

calculating their pensions. This is not so now. I understand, that Interpreters had to study hard for a number of years at their own expenses by taking tuition before they qualified for the pensionable increases. I also understand that their basic salary had never been revised since the Benham Scheme in 1952 and now the scale has instead been brought down from \$942 per month to \$800 per month for the Senior Interpreters. I urge the Government to give a fair deal to these Court Interpreters and revise their pay scale.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, pensionable increase bagi Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah telahpun ditukar kepada language allowance ataupun elaun bahasa atas Syor Suruhanjaya Suffian dan oleh itu mereka tidak berhak lagi kepada pencen atas elaun ini. Walau bagaimanapun, kehilangan hak ini tidaklah bertentangan dengan Artikel 147 pada Perlembagaan kita seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kerana di sini apabila conversion itu diadakan, maka mereka itu yang terlibat boleh pilih iaitu option had been given to the persons who are concerned with this to choose either to be under the Suffian Scheme

or still remain under the old scheme of service.

Dengan, sebab itu, saya suka mengatakan dengan hak ini tidak adalah berlawanan dengan Artikel 147 kepada Perlembagaan Malaysia. Dan, suka saya mengatakan perkara ini telahpun dikaji apabila ini dikemukakan kepada pihak yang berkenaan iaitu Kerajaan di atas yang dibangkitkan oleh Union of Interpreters pada masa-masa dahulu. Dengan kajian yang teliti dan pertimbangan itu, sebab untuk penyelarasan yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Suffian ini, pihak Kerajaan pun telah mengkaji dengan teliti; inilah cara yang lebih sesuai yang telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan. Jadi sebab itulah saya rasa seperti telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan tidak adanya pertelagahan atau berlawanan dengan Artikel ini, saya rasa perkara ini tidaklah berbangkit.

Itulah sahaja, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 20hb Julai, 1973.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.*